

**KAJIAN MENGENAI KETOKOHAN ULAMA TOK BACHOK (UTHMAN BIN
HAJI MUHAMMAD) BERDASARKAN PERSEPSI MASYARAKAT DI DAERAH
BACHOK**

NURUL IZZATI BINTI ROSLI

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

KELANTAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN MENGENAI KETOKOHAN ULAMA TOK BACHOK (UTHMAN
BIN HAJI MUHAMMAD) BERDASARKAN PERSEPSI MASYARAKAT DI
DAERAH BACHOK**

Oleh

NURUL IZZATI BINTI ROSLI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian

Warisan

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____.

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengaku bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



NURUL IZZATI BINTI ROSLI

Tarikh: 16 Februari 2023

Tandatangan Penyelia



FARRAH ATIKAH BINTI SAARI
Puan
Fakulti Teknologi MISCOT & Wawasan
Universiti Malaysia Kelantan
Bldg Berkuwa No. 01
16300 Bachok, Kelantan.

PUAN FARRAH ATIKAH BINTI SAARI

Tarikh: 16 Februari 2023

Nota* Sekiranya tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kekilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab – sebab kerahsiaan dan sekatan.

THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

OPEN ACCESS I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

EMBARGOES I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.

Date from _____ until _____

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature

.....
NURUL IZZATI BINTI ROSLI

Date: 16 February 2023

Signature of Supervisor

.....
FARRAH ATIKAH BINTI SAARI
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Beg Berkunci No. 01
16300 Bachok, Kelantan.
.....

Date: 16 February 2023

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Bismillahirrohmanirrohim, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T., kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan juga rintangan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Farrah Atikah Binti Saari, selaku penyelia saya di atas kesabaran, nasihat, sokongan, dan bimbingan beliau yang telah banyak membantu kepada kejayaan saya dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, strategi, semangat dan kebijaksanaan beliau telah banyak membantu saya sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang sudi berkongsi ilmu berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan.

Terima kasih kepada pihak anak-beranak, sahabat-sahabat, serta anak murid Tok Bachok kerana telah banyak membantu dalam menyalurkan maklumat berkaitan dengan tokoh ulama iaitu Tok Bachok di daerah Bachok. Jutaan terima kasih juga kepada kedua ibu bapa yang dikasihi, Encik Rosli Bin Omar dan Puan Suhaila Binti Samsudin yang sentiasa memberikan doa, dorongan, peringatan, bantuan dan panduan hidup yang amat saya perlukan sehingga tesis ini dapat diselesaikan dengan sempurna serta jayanya. Segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang bermanfaat untuk tatapan generasi yang akan datang.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI JADUAL	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xi
BAB 1 Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	2
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Skop Kajian	4
1.7 Kepentingan Kajian	
i. Individu	5
ii. Masyarakat	5
iii. Institusi pendidikan	5
1.8 Penutup	6

BAB 2 Sorotan Kajian	
2.1 Pengenalan	7
2.2 Maksud Ulama	9
2.3 Teori Kedatangan Islam Di Kelantan	11
2.4 Kriteria Seorang Tokoh	13
2.5 Latar Belakang Tokoh-Tokoh Ulama	15
2.6 Persepsi Masyarakat Terhadap Tokoh	17
2.7 Sumbangan	18
2.8 Penutup	19
BAB 3 Metodologi	
3.1 Pengenalan	21
3.2 Rekabentuk Kajian	
3.2.1 Kaedah Kualitatif	22
3.2.2 Kaedah Kuantitatif	23
3.2.3 Kaedah Pilihan Rekabentuk Kajian	23
3.3 Instrumen Kajian	24
3.4 Prosedur Pungutan Data	
3.4.1 Data Primer	
i) Temubual	28
ii) Pemerhatian	28
3.4.2 Data Sekunder	
i) Perpustakaan	29
ii) Buku	29
iii) Internet	30

3.5	Kaedah Analisis Data	30
3.6	Jangkaan Dapatan Kajian	32
3.7	Penutup	34
BAB 4 Dapatan Kajian		
4.1	Pengenalan	35
4.2	Analisis Demografi Informan	36
4.3	Dapatan Kajian Objektif 1: Sejarah Latar Belakang Tokoh Ulama Tok Bachok Yang Dikagumi Oleh Masyarakat Setempat	37
4.4	Dapatan Kajian Objektif 2: Sumbangan Tokoh Ulama Tok Bachok Kepada Masyarakat Dalam Bidang Keagamaan	45
4.5	Persepsi Masyarakat Terhadap Tokoh Ulama Tok Bachok Yang Terkemuka Di Daerah Bachok	47
	4.5.1 Jantina	47
	4.5.2 Umur	48
	4.5.3 Bangsa	49
	4.5.4 Status	49
	4.5.5 Pendidikan	50
	4.5.6 Pekerjaan	51
	4.5.7 Skala	51
4.6	Analisis Dapatan Kajian Objektif 3	
	4.6.1 Kajian 1 (Ketokohan)	52
	4.6.2 Kajian 1 (Ketokohan)	53
	4.6.3 Kajian 1 (Ketokohan)	54

4.6.4 Kajian 1 (Ketokohan)	55
4.6.5 Kajian 1 (Ketokohan)	56
4.6.6 Kajian II (Ilmu Keagamaan)	57
4.6.7 Kajian II (Ilmu Keagamaan)	58
4.6.8 Kajian II (Ilmu Keagamaan)	59
4.6.9 Kajian II (Ilmu Keagamaan)	60
4.6.10 Kajian II (Ilmu Keagamaan)	61
4.6.11 Kajian III (Sumbangan Tok Bachok Kepada Masyarakat)	62
4.6.12 Kajian III (Sumbangan Tok Bachok Kepada Masyarakat)	63
4.6.13 Kajian III (Sumbangan Tok Bachok Kepada Masyarakat)	64
4.6.14 Kajian III (Sumbangan Tok Bachok Kepada Masyarakat)	65
4.6.15 Kajian III (Sumbangan Tok Bachok Kepada Masyarakat)	66
4.6.16 Kajian IV (Keistimewaan Yang Ada Pada Tok Bachok)	67
4.6.17 Kajian IV (Keistimewaan Yang Ada Pada Tok Bachok)	68
4.6.18 Kajian IV (Keistimewaan Yang Ada Pada Tok Bachok)	69
4.6.19 Kajian IV (Keistimewaan Yang Ada Pada Tok Bachok)	70

4.6.20 Kajian IV (Keistimewaan Yang Ada Pada Tok Bachok)	71
4.7 Penutup	72
BAB 5 Perbincangan, Cadangan, Dan Kesimpulan	
5.1 Pengenalan	73
5.2 Perbincangan	
5.2.1 Perbincangan Objektif 1	74
5.2.2 Perbincangan Objektif 2	75
5.2.3 Perbincangan Objektif 3	76
5.3 Cadangan	76
5.4 Kesimpulan	77
5.5 Penutup	78
Rujukan	79
Lampiran	82

SENARAI RAJAH

NO		HALAMAN
Rajah 2.1	Gambar Kawasan Pondok Pengajian	11
Rajah 2.2	Kawasan Pondok Mahligai Melor	12
Rajah 2.3	Gambar Dinar Emas Atau Mata Wang Emas	13
Rajah 2.4	Gambar Tokoh Ulama (Tok Bachok)	17
Rajah 3.1	Prosedur Pungutan Data	27
Rajah 4.1	Peratus Responden Berdasarkan Jantina	47
Rajah 4.2	Peratus Responden Berdasarkan Umur	48
Rajah 4.3	Peratus Responden Berdasarkan Bangsa	49
Rajah 4.4	Peratus Responden Berdasarkan Status	49
Rajah 4.5	Peratus Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan	50
Rajah 4.6	Peratus Responden Berdasarkan Pekerjaan	51
Rajah 4.7	Peratus Responden Berdasarkan Skala	51
Rajah 4.8	Taburan Responden Mengikut Skala	52
Rajah 4.9	Taburan Responden Mengikut Skala	53
Rajah 4.10	Taburan Responden Mengikut Skala	54
Rajah 4.11	Taburan Responden Mengikut Skala	55
Rajah 4.12	Taburan Responden Mengikut Skala	56
Rajah 4.13	Taburan Responden Mengikut Skala	57
Rajah 4.14	Taburan Responden Mengikut Skala	58
Rajah 4.15	Taburan Responden Mengikut Skala	59
Rajah 4.16	Taburan Responden Mengikut Skala	60
Rajah 4.17	Taburan Responden Mengikut Skala	61
Rajah 4.18	Taburan Responden Mengikut Skala	62

Rajah 4.19	Taburan Responden Mengikut Skala	63
Rajah 4.20	Taburan Responden Mengikut Skala	64
Rajah 4.21	Taburan Responden Mengikut Skala	65
Rajah 4.22	Taburan Responden Mengikut Skala	66
Rajah 4.23	Taburan Responden Mengikut Skala	67
Rajah 4.24	Taburan Responden Mengikut Skala	68
Rajah 4.25	Taburan Responden Mengikut Skala	69
Rajah 4.26	Taburan Responden Mengikut Skala	70
Rajah 4.27	Taburan Responden Mengikut Skala	71

SENARAI JADUAL

NO		HALAMAN
Jadual 3.1	Menunjukkan Jenis Instrumen Yang Digunakan	25
Jadual 3.2	Mengenalpasti Kaedah Kajian Yang Akan Dijalankan	31
Jadual 4.1	Demografi Informan	37

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Abstrak

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengetahui asal usul sejarah tokoh ulama yang terkemuka di daerah Bachok iaitu Tok Bachok. Tok Bachok merupakan seorang tokoh ulama yang terkemuka di daerah Bachok, Kelantan. Beliau telah menyumbangkan ilmu pengetahuan dalam bidang keagamaan khususnya kepada masyarakat yang tinggal di daerah Bachok. Kebanyakan aktiviti yang dilaksanakan oleh Tok Bachok ini adalah tertumpu di kawasan daerah Bachok. Berdasarkan dari kajian ini terdapat beberapa permasalahan kajian yang telah wujud. Antaranya, adalah seperti kurangnya pengetahuan sejarah mengenai kewujudan tokoh, sumbangan yang telah disumbangkan oleh Tok Bachok kepada masyarakat dalam bidang keagamaan dan persepsi masyarakat terhadap tokoh ulama. Kajian yang dijalankan ini akan tertumpu kepada sejarah latar belakang tokoh ulama Tok Bachok yang dikagumi oleh masyarakat setempat. Seterusnya, sumbangan yang telah disumbangkan oleh tokoh ulama Tok Bachok kepada masyarakat dalam bidang keagamaan serta persepsi masyarakat terhadap tokoh ulama Tok Bachok yang terkemuka di daerah Bachok. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi mengumpulkan serta mendapatkan segala maklumat. Kaedah yang digunakan adalah seperti borang soal selidik, kepustakaan dan juga kaedah temubual. Kajian ini juga akan memberikan cadangan penambahbaikan dari segi mengubah persepsi masyarakat terhadap tokoh ulama Tok Bachok yang pada asalnya kurang diketahui dan dikenali. Hal ini demikian kerana sewaktu beliau berada di sekitar umur 40an, beliau telah banyak menyumbangkan ilmu keagamaan kepada masyarakat Bachok. Penyebaran ilmu agama tersebut dilaksanakan setelah beliau pulang dari Kota Mekah. Pengetahuan mengenai latar belakang Tok Bachok ini amatlah penting dalam mengubah persepsi masyarakat di Bachok agar mereka tidak melupakan akan sumbangan yang telah diberikan oleh tokoh tersebut.

Kata Kunci: Daerah Bachok, persepsi, sumbangan, sejarah, tokoh ulama.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Abstract

This study was carried out with the aim of finding out the historical origin of the prominent scholar figure in Bachok district namely Tok Bachok. Tok Bachok is a prominent scholar in Bachok district, Kelantan. He has contributed knowledge in the field of religion, especially to the community living in the Bachok district. Most of the activities carried out by Tok Bachok are concentrated in the Bachok district area. Based on this study there are several research problems that have existed. Among them, is the lack of historical knowledge about the existence of figures, the contribution that Tok Bachok has made to the community in the religious field and the public's perception of cleric figures. This study will focus on the background history of Tok Bachok scholars who are admired by the local community. Next, the contribution that Tok Bachok clerics have made to the community in the religious field as well as the community's perception of prominent Tok Bachok clerics in the Bachok district. In this study, the researcher has used qualitative and quantitative methods to collect and obtain all information. The methods used are questionnaires, literature and interview methods. This study will also provide suggestions for improvement in terms of changing the public's perception of Tok Bachok scholars who were originally less known and known. This is because when he was around the age of 40, he contributed a lot of religious knowledge to the Bachok community. The spread of religious knowledge was carried out after he returned from the city of Mecca. Knowledge about the background of Tok Bachok is very important in changing the perception of the community in Bachok so that they do not forget the contribution that the figure has made.

Keywords: *Bachok area, contribution, perception, scholars, history,*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini telah menjelaskan mengenai latar belakang kajian iaitu kajian mengenai tokoh ulama iaitu Uthman Bin Haji Muhammad yang dikenali sebagai Tok Bachok yang terkemuka di daerah Bachok. Selain itu, dalam bab ini juga akan menfokuskan tentang permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, dan kepentingan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang bagi kajian ini adalah berkenaan tokoh ulama yang terkemuka di daerah Bachok iaitu Tok Bachok. Menurut Muhammad Ismail (1961), telah menyatakan bahawa ulama adalah kata jamak dari perkataan “Arab iaitu alim. Kemudiannya, terdapat juga perkataan ‘Alamah iaitu orang yang betul-betul mengerti atau mengetahui dengan lebih mendalam hakikat sesuatu. Hal ini jelas bermaksud sebagai seorang ilmuan islam atau seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi terutamanya tentang hal ehwal agama.

Tokoh ulama merupakan orang yang perlu kita hormat dan sanjung. Ilmu yang dicurahkan oleh mereka ini adalah sangat berguna untuk umat yang beragama Islam. Selain itu, golongan tokoh ulama ini telah menyumbangkan pelbagai jenis sumbangan terhadap masyarakat. Oleh hal yang demikian, sebagai masyarakat yang mempunyai sifat bertanggungjawab dan berperikemanusiaan kita perlulah menghargai golongan-golongan seperti mereka.

Berdasarkan kajian ini pengkaji menfokuskan kepada kajian berkaitan tokoh ulama yang terdapat di daerah Bachok iaitu Tok Bachok. Kajian ini juga menfokuskan dengan mengikut objektif kajian iaitu mengenalpasti sejarah latar belakang beliau. Selain itu juga, pengkaji menfokuskan pada jenis sumbangan yang telah diberikan oleh beliau. Pengkaji juga membuat kajian dengan melihat persepsi masyarakat terhadap beliau.

1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian didefinisikan sebagai masalah ataupun isu yang ada sehinggalah pengkaji ingin melaksanakan kajian mengenai isu tersebut. Permasalahan merupakan salah satu pengaruh yang sangat besar kepada dunia penyelidikan. (John Dewey, 2010).

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji, pengkaji telah mendapati beberapa masalah. Antaranya adalah masalah darisegi kurangnya pengetahuan sejarah kewujudan mengenai tokoh. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji mendapati bahawa kajian penulisan di dalam artikel Lokman Ismail (2021) tidak begitu lengkap. Di dalam penulisan beliau di dapati bahawa penulisannya ditulis secara ringkas.

Selain itu, permasalahan dari segi mengenalpasti sumbangan yang telah disumbangkan oleh tokoh ulama Tok Bachok kepada masyarakat dalam bidang keagamaan. Menurut daripada buku yang ditulis oleh Ismail Awang (2012) kajian mengenai sumbangan tokoh Tok Bachok ini ditulis tidak secara mendalam. Oleh hal yang demikian, ini jelas menyatakan bahawa kajian mengenai sumbangan tokoh ulama Tok Bachok ini sukar untuk didapati maklumat.

Permasalahan yang ketiga adalah dari segi mengenalpasti persepsi masyarakat terhadap tokoh ulama. Menurut Fitri Oktaviani S, (2015) beliau telah menyatakan bahawa tokoh ini memainkan peranan dalam kalangan masyarakat bagi menyebarkan pengetahuan yang beliau miliki kepada umum serta dapat memberi panduan untuk masyarakat. Oleh hal demikian, persepsi masyarakat terhadap tokoh itu lebih dipandang tinggi oleh masyarakat.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini telah menggambarkan beberapa persoalan mengenai kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji dan jelas mengenai tentang tokoh ulama tok bachok yang berdasarkan objektif kajian. Berikut merupakan persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji adalah:

1. Bagaimanakah sejarah latar belakang tokoh ulama Tok Bachok yang dikagumi oleh masyarakat?
2. Apakah sumbangan yang telah disumbangkan oleh tokoh ulama Tok Bachok kepada masyarakat dalam bidang keagamaan?
3. Bagaimanakah persepsi masyarakat terhadap tokoh ulama Tok Bachok yang terkenal di daerah Bachok?

1.5 Objektif Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa objektif kajian yang digunakan sebagai panduan dalam menjalankan kajian. Objektif kajian ini merupakan peranan penting dalam menentukan hala tuju penyelidikan serta mengikut arah tujuannya. Berikut adalah objektif kajian bagi kajian yang dijalankan ini:

1. Mengenalpasti sejarah latar belakang tokoh ulama Tok Bachok yang dikagumi oleh masyarakat.
2. Mengenalpasti sumbangan yang telah disumbangkan oleh tokoh ulama Tok Bachok kepada masyarakat dalam bidang keagamaan.
3. Mengkaji persepsi masyarakat terhadap tokoh ulama Tok Bachok yang terkenal di daerah Bachok.

1.6 Skop Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih tokoh ulama Tok Bachok iaitu Uthman Bin Haji Muhammad yang terkemuka di daerah Bachok sebagai tempat untuk menjalankan kajian. Skop kajian juga merupakan perkara yang perlu ditetapkan supaya pengkaji dapat mencapai keperluan dan tidak melebihi had batasannya. Skop kajian ini akan tertumpu kepada tokoh ulama iaitu Tok Bachok yang terkenal di daerah Bachok, Kelantan

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian mengenai ketokohan ulama Tok Bachok (Uthman Bin Haji Muhammad) berdasarkan persepsi masyarakat di daerah Bachok ini akan membawa kepentingan kepada beberapa pihak. Antaranya individu, masyarakat, dan juga institusi pendidikan.

i. Individu

Kajian yang dilaksanakan ini akan membawa kepentingan kepada individu kerana ia dapat membantu seseorang individu tersebut dalam memperoleh maklumat yang berkaitan dengan tokoh ulama iaitu Tok Bachok (Uthman bin Haji Muhammad). Selain itu, kajian ini juga boleh menjadi sumber inspirasi kepada seseorang individu untuk menjalankan kajian mengenai tokoh-tokoh ulama yang terdapat di Malaysia. Hal ini demikian dapat membuka mata seseorang individu untuk menghargai tokoh-tokoh ulama tersebut.

ii. Masyarakat

Melalui kajian ini ia dapat memberikan kepentingan kepada masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan adanya kajian seperti ini ia akan membantu masyarakat mengetahui tentang tokoh-tokoh ulama, sejarah tokoh ulama dan ilmu pengetahuan tentang keagamaan dengan lebih meluas. Masyarakat juga akan dapat mengenali tokoh-tokoh ulama dengan lebih mendalam dari satu generasi ke satu generasi. Selain itu, masyarakat juga akan mengetahui sumbangan yang diberikan oleh tokoh ulama

iii. Institusi Pendidikan

Melalui kajian ini ia juga dapat memberikan kepentingan kepada institusi pendidikan. Institusi pendidikan ini merupakan badan yang sangat memainkan peranan yang penting untuk mengumpulkan segala kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Melalui kajian

yang dijalankan ini, institusi pendidikan boleh menjadikan ia sebagai panduan atau rujukan kepada institusi pendidikan tinggi dalam proses pembelajaran mereka.

1.8 Penutup

Kesimpulannya, dalam bab ini telah menjelaskan secara keseluruhan berkaitan kajian yang ingin dilaksanakan iaitu kajian mengenai ketokohan ulama Tok Bachok (Uthman Bin Haji Muhammad) berdasarkan persepsi masyarakat di daerah Bachok. Selain itu, objektif kajian dirangka adalah untuk mencapai matlamat utama di dalam sesebuah kajian dan permasalahan yang terdapat dalam penyelidikan bagi membangkitkan isu dalam melakukan kajian ini. Kajian ini juga mengandungi permasalahan persoalan kajian, skop kajian, dan kepentingan kajian yang dijalankan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan kajian atau lebih dikenali dengan kajian lepas serta ulasan kepustakaan ini telah digunakan dalam membuat penulisan sesuatu kajian. Kajian ini sangat penting dalam setiap penulisan untuk menyokong sesuatu objektif. Menurut (Bryman & Bell 2003; Creswell 2005) sorotan kajian perlu menghurai, meringkas, menganalisis, mensintesis, menilai dan menjelaskan kepustakaan yang dipilih. Dalam melakukan sesuatu kajian ia perlu membuktikan teori yang digunakan bukan hanya sekadar rekaan semata-mata. Justeru itu, dalam sorotan kajian ini hendaklah berkait dengan fenomena yang hendak dikaji. Dalam kajian ini merangkumi beberapa kandungan seperti mengenalpasti sejarah, gelaran, dan sumbangan tokoh ulama' di daerah Bachok.

Menurut (Kamarul, 2015) tujuan sorotan kajian ini adalah untuk memberikan asas teori kepada penyelidik dan idea yang boleh digunakan dalam menyelesaikan pemboleh ubah. Selain itu, ia juga dapat memberi pendapat mengenai status kajian lepas mahupun yang pernah dirujuk sebelum ini. Pelbagai maklumat mengenai kajian lepas

telah dibuat berdasarkan dapatan kajian. Selain itu, ia juga memberikan data yang berkaitan antara makna dan pemboleh ubah. Hal ini dikatakan demikian kerana sorotan kajian ini dapat digunakan semasa membina hipotesis dalam kajian ini.

Bagi mencapai objektif kajian dalam penyelidikan, kajian yang dilakukan berdasarkan objektif yang pertama adalah mengenalpasti sejarah latar belakang tokoh ulama' yang terkemuka di daerah Bachok. Seterusnya, objektif yang kedua adalah untuk mengenalpasti sejarah gelaran yang diperolehi oleh tokoh ulama' yang terkemuka di daerah Bachok. Manakala, untuk objektif yang seterusnya adalah mengenalpasti persepsi masyarakat terhadap tokoh ulama' yang terkemuka di daerah Bachok. Dengan berlandaskan objektif kajian ini ia akan dapat mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan oleh pengkaji melalui pencarian artikel, jurnal dan kajian lepas (Bryman & Bell, 2003).

Menurut Muhammad Soulhiey Zeckry (2021), telah menyatakan bahawa *Literature Review* ini juga dipanggil sebagai ulasan kepustakaan. *Literature Review* ini berdasarkan kepada *review* iaitu dari perkataan *RE* iaitu buat semula manakala untuk perkataan *VIEW* pula adalah meneliti. Hal ini dikatakan demikian kerana ia meneliti semula secara ilmiah terhadap kajian penyelidikan atau tulisan-tulisan yang berkaitan dengan bidang yang hendak dikaji.

Sorotan kajian ini juga perlulah dibuat dengan menggunakan bahan-bahan rujukan yang boleh diperolehi sama ada secara elektronik mahupun secara bercetak. Antaranya adalah seperti buku, jurnal, tesis dan surat khabar yang juga boleh didapati di mana-mana perpustakaan. Bagi bahan rujukan elektronik pula, ia boleh didapati pada mana-mana laman web di internet (Dr Amani, 2016). Di dalam sorotan kajian ini, ia juga pada kebiasaannya akan terkandung beberapa perkara seperti pernyataan, kaedah, teori, pendapat, penilaian dan laporan kajian yang berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih oleh pengkaji.

Menurut Hasanah Taib (2020), telah menyatakan bahawa sorotan kajian lepas amatlah penting bagi menjalankan sesuatu kajian sejarah. Sorotan kajian atau literature review ini merupakan maklumat yang dapat memberikan gambaran kepada latar belakang kajian kita. Selain itu, ia juga berperanan dalam memberi maklumat yang berlaku dalam kajian kita. Dengan adanya sorotan kajian ini ia juga dapat membantu kita sebagai pengkaji sejarah meninjau aspek yang belum ditulis oleh penulis-penulis lain.

2.2 Maksud Ulama

Ulama adalah kata jamak dari perkataan “Arab iaitu alim. Kemudiannya lahir pula dengan perkataan ‘Alamah iaitu orang yang betul-betul mengerti atau mengetahui dengan lebih mendalam hakikat sesuatu. (Muhammad Ismail, 1961). Ini jelas bermaksud sebagai ilmuan islam atau seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi terutamanya tentang hal ehwal agama. Ulama ini sering mendapatkan gelaran seperti seorang ustaz ataupun tok guru kerana mereka ini memiliki ilmu ukhrawi berbanding ilmu duniawi. Terdapat ramai ulama yang telah menyumbangkan banyak jasa kepada perkembangan Islam dari zaman ke zaman. Namun begitu, terdapat masih ramai lagi tokoh ulama majhul atau yang membawa maksud tidak dikenali ini yang banyak menjalankan pelbagai aktiviti dakwah melalui penyebaran ilmu secara penulisan atau sebaliknya (Abdul Qahhar Ibrahim, Noorsafuan Che Noh & Mohd Borhanuddin Zakaria, 2020).

Menurut Mustazah Bin Bahari (2019), perkataan ulama tersebut mempunyai maksud yang tersendiri. Dalam penggunaan masyarakat Muslim telah menyatakan bahawa ulama ini seringkali dikaitkan dengan para ilmuan yang sangat mahir dengan

keagamaan. Di dalam bidang ilmu yang lain, ahli atau pakarnya diberikan gelaran sebagai cendekawan, ilmuwan, pemikir, karyawan dan juga sebagainya.

Dalam pengertian lain, “Ulama adalah orang yang ilmunya menyampaikan mereka kepada sifat takut kepada Allah” (Asy-Syaikh Ibnu ‘Utsaimin). Selain itu, “Mereka (para ulama) adalah orang-orang yang menjelaskan segala apa yang diharamkan dan diharamkan, dan mengajak kepada kebaikan serta menafikan segala bentuk kemudharatan” (Badruddin Al- Kinani).

Menurut Afifi Fauzi Abbas (2006) telah menyatakan bahawa ulama secara bahasa (lughawi) adalah dari kata Ulama jama’ dari alim yang membawa maksud terpelajar atau sarjana. Namun, dalam *Encyklopedi of Islam* telah menyatakan bahawa ulama adalah dari bentuk jama’ dari kata alim yang bermaksud seorang yang mempunyai ilmu yang tinggi, pengetahuan, kearifan, sains dalam pengertian yang lebih luas dan sangat mengetahui (*mubalghah*). Hal ini dikatakan demikian kerana ciri-ciri atau sifat yang perlu ada dalam setiap diri para ulama ini adalah sangat penting.

Seterusnya, ulama yang menduduki di kedudukan yang penting dalam masyarakat islam. Ulama tidak hanya sebagai figur ilmunan yang menguasai dan memahami ajaran-ajaran agama, akan tetapi ia sebagai penggerak, motivator, dan dinamisator masyarakat ke arah pengembangan dan pembangunan umat. Tingkah laku para ulama ini kebiasaannya akan menjadi teladan dan panutan buat masyarakat lain. (Imam Hanafi, Sofiandi Sofiandi, 2018).

2.3 Teori Kedatangan Islam di Kelantan

Melalui teori sejarah kedatangan Islam ke negeri Kelantan, ia berlaku adalah disebabkan oleh kedatangan masyarakat dari wilayah Pattani yang datang untuk menuntut ilmu agama tersebut. Kemudiannya masyarakat wilayah Pattani tersebut menyebarkan Islam di dalam kalangan masyarakat Kelantan. Terdapat juga teori yang menyatakan bahawa kedatangan pedagang Arab telah menyebabkan berlakunya perkembangan agama Islam kepada penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, masyarakat Kelantan telah menerima kedatangan Islam dengan lebih awal lagi berbanding dari zaman pemerintahan kesultanan Melayu Melaka. (Namri Sidek, 2019).



Rajah 2.1: Gambaran Kedatangan Islam Ke Negeri Kelantan

Sumber: Google (Negeri Pertama Tanah Melayu Menerima Islam, 2019)

Menurut Mohd Fadli Ghani (2020), telah menyatakan bahawa Wan Hussein Azmi telahpun menegaskan bahawa kerajaan islam yang pertama telah wujud di Tanah Melayu iaitu yang terletak di negeri Kelantan. Selain itu, negeri Kelantan juga telah

digelar sebagai Serambi Mekah kerana ia terkenal dengan pengajian pondok. Di dalam pengajian pondok tersebut terdapat para penuntutnya yang datang dari pelbagai tempat seperti Kampar, Sumatera, Kemboja, Patani dan juga dari negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Oleh hal yang demikian, di negeri Kelantan telah banyak melahirkan ulama yang terkenal. Hal ini juga telah mempengaruhi sistem pentadbiran dan corak pemerintahan yang telah diamalkan oleh para pemerintah negeri Kelantan (Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin & Norhayati Haji Hamzah, 2018).



Rajah 2.2: Kawasan Pondok Mahligai Melor

Sumber: Facebook (Pondok Mahligai Melor, 2015)

(<https://www.facebook.com/Pondokmahligaimelor2015/>)

Terdapat bukti sejarah yang telah menyatakan bahawa sejak 1180 Masihi atau 577 Hijrah lagi negeri Kelantan ini telah menerima kedatangan Islam di Nusantara. Hal ini dikatakan demikian kerana ia daripada hasil penemuan dinar emas iaitu pada tahun 1941 yang dijumpai di Kawasan bekas tapak Kota Kubang Labu. Kawasan ini adalah merupakan sebuah pusat pemerintahan kerajaan Kelantan pada kira-kira 1702 Masihi. Seterusnya, dengan penemuan dinar emas itu, ia dapat menyimpulkan bahawa agama

Islam ini telah dianuti oleh rakyat Kelantan sejak abab keenam Hijrah. (Lokman Ismail, 2017).



Rajah 2.3: Gambar Dinar Emas Atau Mata Wang Emas

Sumber: Google (Dinar Emas: Bukti Kedatangan Islam Ke Kelantan, 2020)

2.4 Kriteria Seorang Tokoh

Maksud kepimpinan adalah dengan pelbagai langkah oleh para pengkaji ilmu kepimpinan, yang bergantung kepada tumpuan kajian masing-masing (Yukl 1998; Hughes, Ginnet & Curphy 1999, Winston & Patterson 2006; Lussier & Achua 2007; Northouse 2009). Menurut Zunaidah Hadi (2019). Menurut Zunaidah Hadi (2019), jika ingin menjadi seorang pemimpin, ia perlulah menjadi seorang pengikut dahulu. Jika hanya menjadi seorang pengikut sepanjang hayat, amatlah rugi pada seseorang itu. Hal ini dikatakan demikian kerana ramai pemimpin yang hebat kini sebenarnya berasal dari seorang pengikut. Seterusnya, untuk menjadi pemimpin haruslah mempunyai ciri-ciri seperti keberanian yang cukup, kawalan diri, adil dan saksama, yakin dengan keputusan,

menyumbang lebih dan sebagainya. Ciri-ciri ini sangat penting untuk diterapkan dalam diri setiap pemimpin.

Untuk menjadi seorang pemimpin yang hebat bukanlah suatu perkara yang mudah. berbanding menjadi seorang pemimpin yang baik. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan seseorang itu menjadi seorang pemimpin yang hebat. Bukan kerana seseorang yang petah berbicara dan pandai menyemarakkan semangat orang lain. Itu hanyalah kelebihan dalam diri seseorang. Namun begitu, untuk menjadi seorang tokoh yang hebat ia perlulah memperbaiki dirinya terlebih dahulu,, sentiasa belajar hingga ke liang lahad, memimpin orang lain untuk melangkah maju dan sebagainya. (Mohd Subhi, 2019).

Dalam hadis riwayat Abu Nu'aim telah menyatakan bahawa paling kurang harus ada lima kriteria ulama. Kriteria yang pertama adalah menghilangkan keraguan. Seterusnya, menanamkan keyakinan dalam diri, menghilangkan rasa riak dalam diri, menanamkan sifat keikhlasan, membuang sifat yang sombong, dan sebagainya. Jika sikap dan fatwa yang ada pada diri tokoh ulama itu tidak menyenangkan, bahkan ia hanya meresahkan dan membangkitkan rasa permusuhan antara umat. Sudah tentu ia menimbulkan rasa tidak kebingungan terhadap umat. (Nashih Nashrullah, 2019).

Menurut Main Sufanti, Fitri Puji Rahmawati, Markhamah, Nuraini Fatimah (2015), terdapat beberapa ciri yang perlu ada dalam diri seorang tokoh. Antaranya adalah seperti seorang yang bermasyarakat, bertoleransi, mempunyai sikap yang rendah hati, dan visioner. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya ciri-ciri tersebut, ia dapat melahirkan seorang tokoh yang berkredibiliti. Selain itu, ia dapat memberikan kesenangan terhadap masyarakat.

2.5 Latar Belakang Tok Bachok

Menurut Lokman Ismail (2021), di dalam blog artikel yang bertajuk “Sejarah Tok Bachok Ulama Terkenal Nusantara” telah memberikan sedikit sebanyak tentang latar belakang tokoh ulama Tok Bachok. Nama sebenar tokoh ulama ini adalah Uthman Bin Muhammad yang merupakan salah seorang tokoh ulama di Nusantara. Beliau sangat bertanggungjawab untuk mengembangkan syiar Islam di Nusantara. Selain itu, beliau telah dilahirkan pada tahun 1860 Masihi iaitu bersamaan dengan 1279 Hijrah di Kampung Tok Burung. Beliau sebenarnya dari keturunan Cina Muslim Monggolia. Tok Bachok ini juga merupakan seorang guru agama yang seangkatan dengan Tok Kenali, Tok Selehor, Tok Kemunting dan beberapa orang lagi tokoh yang aktif di negeri Kelantan dalam bidang keagamaan.

Menurut Ismail Awang (2012), di dalam sebuah buku yang berjudul “Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (1)” telah menceritakan tentang biodata sebenar Tok Bachok. Tok Bachok sangat terkenal bijak dalam bidang ilmu bacaan al-Quran, nahu dan tasawuf. Namun begitu, beliau tidak terlalu ta’sub kepada mazhab tertentu. Pada beliau, kitab *Hikam*, sebuah kitab tasawuf yang penting itu, dijadikan sebagai buku rujukan atau panduan dan diajarkan semula kepada para muridnya.


Beliau tidak sempat untuk mengarang buku sebagaimana Tok Wan Ali Kutan, Tuan Tabal dan Haji Omar Sungai Keladi. Akan tetapi, beliau telah mengekalkan suatu wirid yang dibaca selepas solat subuh sehingga matahari segalah. Antara wirid-wirid yang diamalkan ialah:

- ❖ **أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَبِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ**
- ❖ **اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تَكُونُ لَكَ رِضَاءً وَلِحَقِّهِ أَدَاءً**

Selain itu, Tok Bachok telah banyak menghabiskan masa mudanya untuk mempelajari ilmu agama. Beliau telah mendirikan rumahtangganya bersama Che Embong Binti Awang Ngah atas pilihan keluarganya sendiri. Tidak lama kemudian beliau berkahwin pula dengan Hajjah Che Bidah Binti Haji Osman iaitu anak kepada imam Bachok. yang telah janda. Keluarga isteri kedua beliau ini mempunyai suara yang lemak merdu. Seterusnya, untuk mencukupi tiga isterinya, beliau telah berkahwin pula dengan Membunga Binti Ismail. Walaupun beliau berpoligami tetapi tiada sedikitpun pergeseran yang berlaku antara isteri-isterinya.

Tok Bachok telah memperolehi 13 orang cahaya mata. Dari isteri pertamanya iaitu Hajjah Embong binti Awang Ngah memperolehi 7 orang cahaya mata iaitu Abdul Aziz, haji Hasan (bekas Imam Masjid Bachok), Haji Husain, Haji Abdul Khair, Haji Muhammad Rashidi, Hajjah Hafsa, dan Muhammad Yaakub. Seterusnya, dari isteri keduanya iaitu Hajjah Che Bidah Binti Imam Haji Osman telah memperolehi cahaya mata seramai 5 orang. Antaranya adalah Hajjah Maryam, Haji Muhammad Amin (bekas Qadhi), Yang Berhormat Haji Mustafa, Bachok, Haji Muhammad Zain (Guru Agama Di Kg. Kemudi), Dan Haji Muhammad Nor (Imam Badak). Akhir sekali, beliau telah memperolehi seorang cahaya mata hasil dari isteri ketiganya iaitu Membunga Binti Ismail iaitu Ustaz Muhammad Yasin, Guru Agama Kerajaan Kelantan.

Beliau telah menghembuskan nafas terakhirnya pada malam Ahad jam 1.05 malam 15 Zulkaedah 1372 bersamaan 27 Julai, 1953. Jenazah beliau dikebumikan di tanahnya sendiri, kemudian dijadikan wakaf perkuburan pekan Bachok. Beliau berusia kira-kira 93 tahun.



Rajah 2.4: Gambar tokoh ulama (Tok Bachok)

Sumber: Blog Artikel (Sejarah Tok Bachok Ulama Terkenal Nusantara, 2021)

2.6 Persepsi Masyarakat Terhadap Tokoh

Menurut Najihah Abdul Mutalib, Ismar Liza Mahani Ismail (2020), terdapat tokoh-tokoh ulama yang terkenal di negeri Sarawak. Antaranya adalah Datuk Hakim Keramat, Sheikh Uthman Sarawak, Datuk Hakim Imam Abang Haji Morshidi dan Datuk Hakim Haji Muhammad Asy'ari merupakan tokoh ulama yang terkenal di negeri Sarawak. Kewujudan tokoh ulama terkenal ini dipandang tinggi oleh para masyarakat. Tokoh-tokoh ulama ini sangat memainkan peranan dan berjasa terhadap masyarakat Sarawak.

Bagi membentuk persepsi dalam masyarakat adalah berinteraksi dalam lingkungan sosial yang dapat memberikan pandangan daripada mereka. Tokoh ini memainkan peranan dalam kalangan masyarakat bagi menyebarkan pengetahuan yang beliau miliki kepada umum serta dapat memberi panduan untuk masyarakat. Oleh hal

yang demikian, persepsi masyarakat terhadap tokoh itu lebih dipandang tinggi oleh masyarakat. (Fitri Oktaviani S, (2015).

Menurut Latifah Arifin (2018), dalam artikel berita harian online telah menyatakan bahawa masyarakat harus menghargai usaha golongan agamawan kerana golongan ini telah banyak menggerakkan kesedaran dalam pelbagai bentuk. Antaranya, seperti ceramah, seminar, dan penulisan khususnya dalam menggugah pemikiran masyarakat. Selain itu, dalam artikel ini juga telah menyatakan bahawa golongan agamawan ini mempunyai sikap yang mulia dan positif dalam kalangan masyarakat.

2.7 Sumbangan dari Seorang Tokoh

Menurut Aisyah Ab Rahim & Mohd Roslan Mohd Nor (2020), dalam jurnal yang bertajuk “Sumbangan Ulama berketurunan Jawa di Selangor dalam Perkembangan Islam Sebelum Merdeka” telah menyatakan golongan ulama ini telah memberikan banyak jasa kepada kesejahteraan komuniti dengan memegang pelbagai jawatan yang bersesuaian dengan kelayakkan ilmu, ketokohan budi pekerti dan berakhlak mulia. Hal ini demikian kerana ia dapat membuktikan bahawa mereka akan dipercayai dan dipandang tinggi oleh masyarakat.

Menurut Dr Haji Mohd Farid Ravi Abdullah & Zahari Mahad Musa (2019), dalam artikel yang bertajuk “Ulama Selangor: Peranan Dan Sumbangan” telah menyatakan bahawa tokoh ulama Imam al-Dhahabiyy telah membuktikan kesungguhan beliau dalam mengumpulkan kisah-kisah tentang tokoh-tokoh sepanjang sejarah peradaban ummah. Selain itu, beliau telah menghasilkan 25 jilid karya ulung beliau yang telah menunjukkan bahawa karya tokoh islam telah merangkumi dari sudut politik falsafah mahupun ilmuwan seawal zaman Rasulullah saw sehingga ke zaman beliau.

Syarif Hidayatullah telah membuktikan bahawa beliau telah berjaya dalam penyebaran ajaran Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau telah meninggalkan beberapa contoh yang baik seperti sosial budaya, seni, bangunan infastruktur, pendidikan, bahkan politik. Melalui penyebaran Islam yang dilakukan oleh Syariff Hidayatullah telah mengalami kemajuan pesat dalam golongan masyarakat setempat. (Mohd Roslan Mohd Nor, Cecep Miftahul Hasani, 2017).

Menurut Ismail Awang (2012), Tok Bachok telah membuka sebuah pondok setelah tamat pengajiannya di Makkah untuk menyebarkan dakwah islamiah kepada penduduk-penduduk, khususnya di kampung Bachok. Beliau mengajar dari pagi-pagi lagi dengan memulakan mengajar kitab, seterusnya al-Quran. Selepas selesai solat Zuhur beliau telah mengajarkan kitab Jawi sehingga masuk Asar. Apabila selesai solat Asar, beliau akan menyuruh anak-anak muridnya menghafal sarf, nahu, fiqh, dan sebagainya, termasuklah kitab *Alfiah*. Seterusnya, kira-kira jam 5 petang sehingga Maghrib, beliau telah melatih anak-anak muridnya untuk bertani dan menyangkul anak-anak kelapa dan merumput sebagai latihan jasmani. Ini dapat dilihat bahawa Tok Bachok juga menekankan tentang kesihatan anak-anak muridnya.

2.8 Penutup

Menurut Dr Haji Mohd Farid Ravi Abdullah & Zahari Mahad Musa (2019), telah menjelaskan bahawa penguasaan ilmu keagamaan untuk seseorang ulama adalah dengan merangkumi pelbagai cabang. Antaranya, adalah usuluddin, fiqh, tasawuf, tafsir, dan hadis. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara-perkara ini tidak akan dapat diketahui melainkan setiap tokoh tersebut meneliti latar belakang penguasaan agamanya sama ada melalui Pendidikan secara formal, pengiktirafan sosial ataupun produk penulisan yang dihasilkan.

Menurut Rosni Binti Wazir (2016), di dalam jurnal yang berjudul “Sorotan Perkembangan Tasawuf Di Alam Melayu, Tokoh-Tokoh Dan Karyanya” telah menyatakan bahawa pendakwah sufi telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh yang hebat dalam masyarakat. Bukan sahaja dengan memberi khidmat yang besar dalam masyarakat, namun tokoh-tokoh ini juga memberikan khidmat kepada istana juga. Selain itu, tokoh-tokoh ini juga turut melahirkan karya-karya tasawuf yang hebat.

Kerjaya bagi seorang guru adalah salah satu tugas yang mulia dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid-muridnya dan mewarisi tugas Rasulullah s.a.w. Oleh hal yang demikian, peranan dan sumbangan para guru ini tidak boleh dipandang rendah kerana mereka telah melahirkan ramai tokoh ulama dan para ilmunan yang telah berjaya membentuk sahsiah Muslim yang taat dan patuh akan ajaran agama Islam. Selain itu juga, dengan usaha mereka juga, maka keaslian ajaran agama Islam dapat dibendung dan kesedaran terhadap agama semakin bertambah dari generasi ke generasi seterusnya. Oleh itu, kita sewajarnya mengenangkan jasa dan sumbangan mereka yang tiada tandingannya. (Aisyah Ab Rahim & Mohd Roslan Mohd Nor (2019).

Menurut Shukri Ahmad (n.d.), dalam jurnal yang bertajuk “Aplikasi Konsep Ulama Dan Intelektual: Satu Penilaian Kritis” telah menyimpulkan bahawa tokoh ulama adalah merupakan orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi serta pendidikan yang tinggi dalam ilmu agama yang berpandukan al-Qur’an dan al-Sunnah. Selain itu, ia dapat menjelaskan pelbagai masalah yang muncul dengan dalil dan berasaskan pengetahuan yang dimiliki. Ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh tokoh-tokoh ulama ini digunakan untuk menghantarkan kepada rasa yang takut dan tunduk kepada Allah s.w.t.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang metodologi kajian yang akan digunakan bagi melaksanakan kajian ini dengan teratur. Metodologi kajian amatlah penting agar kajian penyelidikan yang dilaksanakan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana ia merangkumi rekabentuk kajian, instrument kajian, prosedur pungutan data, kaedah analisis data dan juga penutup. Selain itu, metodologi kajian adalah kaedah dan teknik dalam mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data agar dapat menghasilkan bukti yang kukuh yang dapat menyokong sesuatu kajian. Ia juga dapat menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu yang digunakan. (Siti Sarah, 2015).

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian memberikan gambaran tentang kerangka, perancangan atau strategi yang menentukan prosedur kajian. Dalam rekabentuk kajian ini ia merangkumi beberapa aspek iaitu pendekatan kajian, kaedah persampelan, cara pengumpulan data, teknik memproses dan menganalisis data dan penulisan laporan. (Suriyati, Merhayati, Fazlin, 2012). Selain itu, rekabentuk kajian ini juga telah menjadi model bagi membolehkan penyelidik membuat rujukan yang berkaitan pemboleh ubah yang telah dikaji. Justeru itu, rekabentuk kajian ini amatlah penting kerana ia merupakan salah satu cara bagi melaksanakan penyelidikan ini bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan unruk menjawab persoalan dan objektif kajian.

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif ini mempunyai bentuk data yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana data kualitatif adalah dalam bentuk temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Data kualitatif ini berbentuk deskriptif, berupaka kata-kata lisan atau tulisan yang berkaitan dengan tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor dan Bogdan, 1984). Selain itu, menurut Lexy, 2007 telah menyatakan bahawa kaedah kualitatif adalah prosedur penyelidikan yang akan menghasilkan data yang berupa gambaran yang boleh dilihat dengan jelas.

3.2.2 Kaedah Kuantitatif

Menurut Azwita Usman, 2010 telah menyatakan bahawa kaedah kuantitatif merupakan salah satu kajian yang bersifat angka atau numerikal. Data kuantitatif ini boleh diukur melalui proses pengukuran dan memerlukan alat-alat pengukuran iaitu melalui soal selidik dan ujian. Terdapat beberapa jenis kajian kuantitatif. Antaranya adalah kajian deksriptif, kajian kolerasi, *causal comparative*, dan kajian eksperimental.

3.2.3 Kaedah Pilihan Rekabentuk Kajian

Kaedah kajian yang digunakan untuk melaksanakan kajian ini adalah kaedah kualitatif. Berdasarkan penerangan yang dijelaskan tentang kedua-dua kaedah ini. Jelaslah bahawa pengkaji memilih kaedah kualitatif. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian yang dilakukan adalah lebih kepada temubual, kaedah pemerhatian dan soal selidik. Kaedah kualitatif yang digunakan adalah dengan cara berinteraksi dengan subjek kajian iaitu kaedah yang telah digunakan adalah melalui pemerhatian ke kawasan kajian dan juga dengan mengadakan temubual.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah cara yang digunakan untuk mengumpul data yang diperlukan untuk menjawab objektif kajian. Soalan-soalan atau kenyataan-kenyataan yang dibentuk khas supaya dapat memperoleh maklumat penyelidikan. Terdapat beberapa kaedah untuk mendapatkan data tersebut. Antaranya adalah kaedah soal selidik, pemerhatian, temubual, ujian dan dokumen. Antara alatan instrumen yang digunakan adalah video yang digunakan oleh pengkaji untuk merekodkan rakaman dari responden semasa sesi soal jawab. Hal ini demikian kerana ia dapat memudahkan pengkaji supaya menyemak semula data yang diperoleh semasa sesi soal jawab. Alatan ini amatlah penting supaya pengkaji tidak terlepas untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang penting. Selain itu, perakam suara juga penting kerana ia merupakan sebuah alat yang dapat merakam suara semasa sesi temubual dijalankan. Di samping itu, kamera juga merupakan alatan instrumen yang digunakan oleh pengkaji untuk mengambil gambar semasa sesi pemerhatian dijalankan.

Jadual 3.1 Menunjukkan jenis instrumen yang digunakan dalam kajian.

Bil.	Objektif Kajian	Metodologi Kajian	Jenis Instrumen
1.	Mengenalpasti sejarah latar belakang tokoh ulama Tok Bachok yang dikagumi oleh masyarakat.	<ul style="list-style-type: none"> Membuat temubual Kajian kepustakaan 	Menggunakan telefon bimbit <ul style="list-style-type: none"> Mengambil gambar Merakam Audio Merakan Video
2.	Mengenalpasti sumbangan yang telah disumbangkan oleh tokoh ulama Tok Bachok kepada masyarakat dalam bidang keagamaan.		
3.	Mengkaji persepsi masyarakat terhadap tokoh ulama Tok Bachok yang terkemuka di daerah Bachok.	Membuat Tinjauan	Menggunakan borang soal selidik <ul style="list-style-type: none"> <i>Google Forms</i>

i. Fotografi

Kaedah fotografi ini adalah merupakan suatu kaedah pengambilan gambar ketika pengkaji menjalankan temu bual. Kaedah ini adalah bagi memudahkan pengkaji untuk menunjukkan bukti kajian ini dijalankan serta dapat memudahkan pengkaji untuk membuat rujukan semula ketika membuat penulisan berkenaan dengan analisis data.

ii. Rakaman Audio

Kaedah rakaman audio ini adalah merupakan suatu bentuk kaedah yang memainkan peranan penting dalam kajian ini. Kaedah rakaman audio ini digunakan sewaktu pengkaji menjalankan sesi temu bual. Ini adalah bagi merakam perbualan antara pengkaji dan juga individu yang ditemubual. Setelah itu, segala maklumat yang telah dirakam dan diperolehi akan ditukarkan kepada bentuk penulisan mengikut kepada subtopik yang terdapat dalam kajian pengkaji.

iii. Rakaman Video


Kaedah rakaman video ini dibuat sewaktu pengkaji membuat temu bual. Kaedah ini digunakan adalah bagi memudahkan pengkaji untuk membuat rujukan semula setelah sesi temu bual berakhir.

iv. Borang Soal Selidik

Kaedah borang soal selidik ini digunakan adalah bagi memudahkan pengkaji untuk mengumpulkan segala maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Penggunaan borang soal selidik jenis *Google Forms* ini digunakan bagi memudahkan pengkaji untuk membuat analisis data berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah diperolehi serta jumlah responden yang melebihi dari 100 orang responden.

3.4 Prosedur Pungutan Data

Pungutan data membawa maksud yang sama dengan pengumpulan data. Menurut Diyana, 2015 telah menyatakan bahawa pungutan data merupakan satu proses di mana dan bagaimana sesebuah data itu dikumpul, membuat pemerhatian terhadap sesuatu yang sedang berlaku, merekod, mengumpul, mengasing data, memilih dan memahami bila ia akan digunakan. Kaedah ini merupakan aspek yang penting dalam melaksanakan kajian kerana ia merupakan salah satu cara yang digunakan oleh semua pengkaji. Pungutan data ini terbahagi kepada dua iaitu data primer dan data sekunder



Rajah 3.1: Prosedur Pungutan Data

3.4.1 Data Primer

Data primer adalah data asal yang telah dikumpulkan secara khusus bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Data primer ini juga merupakan sumber yang bersifat asli dan belum ditafsirkan kepada umum. Sebagai contohnya adalah seperti temu bual, pemerhatian, dan juga soal selidik (Vicky, 2011)

i) **Temubual**

Temubual adalah kaedah pengutipan data yang melibatkan interaksi bersemuka antara pengkaji dengan responden. Selain itu, temubual ialah kaedah terbaik untuk mendapatkan maklumat daripada informan dengan lebih mendalam. Temubual boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan kecil. Temubual juga perlu dijadikan transkripsi, kategori dan tema.

ii) **Pemerhatian**

Pemerhatian adalah kaedah yang dilakukan oleh pengkaji dalam mendapatkan data kajian dengan cara mengamati dan memerhati subjek kajian. Kajian pemerhatian ini terdiri daripada dua kaedah iaitu pemerhatian berstruktur dan pemerhatian tidak berstruktur. Jenis pemerhatian yang telah digunakan adalah pemerhatian tidak berstruktur. Hal ini dikatakan demikian kerana pemerhatian tidak berstruktur dilakukan tanpa merujuk kepada set aktiviti atau aspek yang telah dikenal pasti secara khusus. Namun begitu, pengkaji perlu menentukan fokus pemerhatian, iaitu perlakuan tokoh ulama, bahasa badan semasa

pengajaran dan pembelajaran. Pada mulanya, pengkaji mungkin tidak tahu apa yang hendak dikaji namun selepas membuat pemerhatian, barulah pengkaji mendapatkan maklumat.

3.4.2 Data Sekunder

Data sekunder adalah sumber yang mempunyai perantaraan antara keadaan dan pengalaman yang dikaji. Selain itu, data sekunder adalah merupakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain seperti maklumat daripada perpustakaan, buku, dan juga laman sesawang. (Sabitha Marican, 2005).

i) **Perpustakaan**

Kaedah perpustakaan adalah kaedah yang mendapatkan maklumat yang diperlukan dari perpustakaan. Menurut Yusniza (2015), telah menyatakan bahawa kaedah perpustakaan ini sering menjadi kaedah dominan dalam melaksanakan kajian sains sosial dan kajian ekonomi kerana maklumat yang diperolehi merupakan maklumat tepat dan boleh digunakan sebagai rujukan dalam sesuatu kajian ilmiah.

ii) **Buku**

Buku adalah kaedah yang merujuk kepada buku-buku ilmiah yang mengandungi maklumat tambahan untuk memenuhi maklumat yang diperlukan oleh pengkaji seperti dengan merujuk kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan.

iii) **Internet**

Internet merupakan kaedah tambahan dalam data sekunder dengan cara melayari laman web rasmi dan tidak rasmi. Pada kebiasaannya, pengkaji akan melayari laman web untuk mencari lokasi kajian dan untuk mendapatkan peta lokasi kajian.

3.5 Kaedah Analisis Data

Menurut Umami Adibah, 2019 telah menyatakan bahawa kaedah analisis data adalah tahap dimana proses penyelidikan data yang telah dikumpulkan dapat diproses untuk menjawab rumusan masalah kajian. Analisis data juga merupakan suatu kajian yang dijalankan bagi mengubah data hasil dari penelitian menjadi sebuah informasi baru yang dapat digunakan dalam membuat kesimpulan.

Analisis data adalah sebuah proses pemeriksaan, pembersihan, transformasi dan pemodelan data dengan tujuan untuk mencari informasi yang berguna, menginformasikan kesimpulan dan mendukung pengambilan keputusan. Analisis data ini juga menerangkan secara formal untuk menemukan tema dan merumuskan hipotesis seperti yang telah dinyatakan dan juga sebagai usaha untuk memberikan bantuan dan tema pada hipotesis. Data yang diperoleh melalui kaedah kualitatif akan diproses dan akan dianalisis untuk mendapatkan kesimpulan data.

MALAYSIA
KELANTAN

Jadual 3.2 Mengenalpasti kaedah kajian yang akan dijalankan.

Bil.	Objektif Kajian	Metodologi
1.	Mengenalpasti sejarah latar belakang tokoh ulama Tok Bachok yang dikagumi oleh masyarakat.	<p>Kaedah Temubual, dan Kajian Kepustakaan</p> <p>Menemubual</p> <ul style="list-style-type: none"> • (anak/cucu/cicit/bekas anak murid) <p>Kajian Kepustakaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • (buku rujukan) • (dokumen di Arkib Negeri Kelantan)
2.	Mengenalpasti sumbangan yang telah disumbangkan oleh tokoh ulama Tok Bachok kepada masyarakat dalam bidang keagamaan	
3.	Mengkaji persepsi masyarakat terhadap tokoh ulama Tok Bachok yang terkemuka di daerah Bachok.	<p>Tinjauan Menggunakan Soal Selidik</p> <ul style="list-style-type: none"> • 379 (n) set sampel (populasi n 30000) borang selidik menggunakan jadual populasi Krejcie & Morgan (1970)

Bagi mengenalpasti sejarah latar belakang tokoh ulama Tok Bachok iaitu Uthman Bin Haji Muhammad yang dikagumi oleh masyarakat dan sumbangan yang telah disumbangkan oleh tokoh ulama Tok Bachok kepada masyarakat dalam bidang keagamaan, pengkaji akan menemubual salah seorang anak/cucu/cicit ataupun bekas anak murid Tok Bachok sendiri. Pengkaji akan mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dengan kaedah temubual ini. Selain itu, untuk mengkaji persepsi masyarakat terhadap tokoh ulama Tok Bachok yang terkemuka di daerah Bachok ini pula, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian dan juga borang selidik. Borang selidik yang disediakan oleh pengkaji adalah sebanyak 379. Hal ini dikatakan demikian kerana ia berdasarkan jumlah penduduk Bachok iaitu kira-kira 29.3 ribu isi rumah mengikut bancian di daerah Bachok.

3.6 Jangkaan Dapatan Kajian

i. Persepsi Masyarakat Terhadap Tokoh Ulama

Ulama adalah pewaris nabi-nabi yang memainkan peranan penting dalam menjaga kesucian ajaran agama Islam. Oleh itu, rakyat melihat ulama sebagai wakil dan juru cakap apabila berhadapan dengan masyarakat. Ulama memainkan peranan sebagai seorang hakim jika berlaku konflik yang tidak dapat diselesaikan dalam masyarakat. Hubungan silaturrahim antara ulama dan masyarakat yang melahirkan satu hubungan yang berpengaruh. Hal ini dikatakan demikian kerana kedudukan ulama dan masyarakat mendapat kepercayaan untuk dilantik sebagai pemimpin. Pada umumnya, apa yang kita sedia tahu, ulama mempunyai dua kategori iaitu ulama hujah dan ulama mahjud. Ulama hujah ini sanggup menyetepikan kepentingan peribadi dan sanggup berkorban nyawa dan harta mereka. Di samping mereka seorang yang alim berani menyatakan benar dan salah tanpa mengira kedudukan seseorang walaupun mempunyai darjat yang tinggi. Manakala untuk kategori ulama mahjud, seorang yang alim dan mempunyai ilmu agama yang tinggi tetapi buruk akhlaknya. Hal ini dikatakan demikian kerana ia disebabkan oleh ketamakan kepada kebendaan dan tidak memberi ilmu agama yang mereka miliki.

Akan tetapi, dari sudut pandangan masyarakat ulama secara umumnya merupakan seorang yang mengemukakan platform keadilan, mereka juga menganggap ulama ini dapat menghakis sikap prejudis bukan Islam. Keadilan yang mereka bawa adalah dianggap sebagai nilai yang diingini oleh semua, serta asas kepada sistem pentadbiran Islam.

ii. Sumbangan dari Tokoh Ulama

Menurut pandangan Mohd Fadli Ghani (2020), telah menyatakan bahawa Wan Hussein Azmi telahpun menegaskan bahawa kerajaan islam yang pertama telah wujud di Tanah Melayu iaitu yang terletak di negeri Kelantan. Negeri Kelantan juga telah digelar sebagai Serambi Mekah kerana ia terkenal dengan pengajian pondok. Apa yang kita boleh melihat sebagai contoh perjuangan Almarhum Tuan Guru Dato Haji Nik Abdul Aziz bersama PAS yang telah berjaya membentuk pentadbirannya di Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengaruh pentadbiran, sifat kepimpinan dan keilmuannya mendapatkan kepercayaan majoriti dari masyarakat.

Ulama juga banyak memberi sumbangan pada ajaran dan Pendidikan agama yang berpandukan al-quran dan hadis. Hal ini kerana islam menjelaskan semua kegiatan yang bersifat keduniaan ataupun yang bersifat kebendaan dan kerohanian didalamnya. Menurut Ismail Awang (2012), di dalam sebuah buku yang berjudul “Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (1)” telah menceritakan Tok Bachok sangat terkenal bijak dalam bidang ilmu bacaan al-Quran, nahu dan tasawuf. Namun begitu, beliau tidak terlalu ta’sub kepada mazhab tertentu. Pada beliau, kitab *Hikam*, sebuah kitab tasawuf yang penting itu, dijadikan sebagai buku rujukan atau panduan dan diajarkan semula kepada para muridnya. Namun begitu sejarah penglibatan ulama-ulama diperhatikan pada tahap berbeza-beza dan bergantung kepada perkembangan semasa dengan cara menuntut ilmu. Sebagai contoh ulama pada zaman penjajahan inggeris di Malaysia, penentangan ulama secara aktif terhadap penjajah dapat dilihat dala kes “Tok Janggut “ di Pasir Puteh pada tahun 1915, dan Hj. Abdul Rahman Limbong di Kuala Terangganu akan tetapi golongan ulama juga

meneruskan perjuangan menyebarkan seruan dakwah Islamiyah serta semangat bencikan penjajah melalui institusi pondok tradisional yang wujud ketika itu.

3.7 Penutup

Kesimpulannya, melalui kajian yang telah dilakukan, pengkaji dapat melaksanakan kajian ini dengan lebih terperinci dan tersusun berkaitan tokoh ulama Tok Bachok yang terkemuka di daerah Bachok. Kajian ini dapat membantu untuk mencapai objektif-objektif kajian yang berkaitan dengan asal usul dan sejarah tokoh ulama Tok Bachok. Proses analisis data yang diperolehi daripada kajian penyelidikan ini dapat membantu pengkaji dalam merumus berkaitan kajian yang dilaksanakan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan mengenai proses dapatan kajian, kajian kualitatif dan juga hasil kajian kuantitatif. Kaedah dan juga proses yang telah digunakan oleh pengkaji adalah diperincikan dengan lebih jelas dalam bab ini. Dapatan kajian ini merangkumi 3 objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji pada awal bab. Objektif yang pertama adalah mengenalpasti sejarah latar belakang tokoh ulama Tok Bachok yang dikagumi oleh masyarakat. Seterusnya, objektif yang kedua adalah mengenalpasti sumbangan yang telah disumbangkan oleh tokoh ulama Tok Bachok kepada masyarakat dalam bidang keagamaan. Objektif yang ketiga adalah mengkaji persepsi masyarakat terhadap tokoh ulama Tok Bachok yang terkemuka di daerah Bachok. Pengkaji turut mencatat, merekod dan juga menganalisis keseluruhan data yang telah dikumpulkan. Setiap data yang terkumpul telah dihuraikan mengikut objektif-objektif kajian oleh pengkaji.

Pengkaji menggunakan kaedah borang soal selidik dengan mengedarkannya secara atas talian dan diberikan secara rawak kepada individu. Semua hasil keputusan yang diperolehi, pengkaji telah membentangkannya dalam bentuk jadual, carta pai, dan graf. Hasil daripada keputusan dan analisis data yang telah dikumpul daripada responden yang telah memberikan pengkaji gambaran yang lebih luas dan sedar akan keistimewaan tokoh ulama Tok Bachok ini. Analisis data dari borang soal selidik yang telah dilaksanakan ini telah diterjemahkan menerusi jadual taburan frekuensi iaitu untuk menunjukkan bilangan dan peratus.

4.2 Analisis Demografi Informan

Informan merupakan orang yang akan memberikan maklumat berkaitan dengan soalan-soalan yang dikemukakan kepada informan tersebut. Informan juga merupakan pihak yang dianggap sebagai salah satu sampel dalam sesuatu penelitian kajian dalam melakukan kajian penyelidikan. Terdapat 3 orang informan yang telah terlibat dalam kajian penyelidikan ini. Ia terdiri daripada 2 orang cucu tokoh ulama Tok Bachok dan seorang daripada anak murid kepada anak Tok Bachok iaitu Tuan Guru Haji Mohammad Zain atau lebih dikenali sebagai Tok Ayah Zain. Informan tersebut terdiri dalam lingkungan umur 50 tahun sehingga 70 tahun yang mana mereka ketiga-ketiganya adalah merupakan informan yang berjantina lelaki.

Jadual 4.1: Demografi Informan

Bil.	Nama Informan	Hubungan dengan Tok Bachok
1.	Ustaz Muhammad Aziz Bin Che Man	Anak murid Tok Ayah Zain (anak Tok Bachok)
2.	Ustaz Zakuan Bin Hussin	Cucu Tok Bachok
3.	Ustaz Mahmud Zuhdi Bin Tahir	Cucu Tok Bachok
4.	Puan Zainab Binti Abu Jusoh	Penduduk Tok Bachok
5.	Puan Hajjaah Nik Azizah Binti Nik Saffwan	Penduduk Tok Bachok

4.3 Dapatan Kajian Objektif 1: Sejarah Latar Belakang Tokoh Ulama Tok Bachok Yang Dikagumi Oleh Masyarakat Setempat.

Hasil daripada temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji bersama beberapa orang informan yang terdiri daripada penduduk kampung yang berada di sekitar kawasan Bachok, Kelantan. Merujuk kepada soalan yang pertama iaitu bagaimanakah sejarah latar belakang tokoh ulama Tok Bachok ini?. Menurut informan yang pertama iaitu Ustaz Muhammad Aziz Bin Che Man telah menyatakan bahawa Tok Bachok atau nama sebenarnya adalah Uthman Bin Haji Muhammad. Beliau masyhur dengan panggilan Tok Bachok oleh kerana beliau lahir di Bachok iaitu terletak di kampung tok burung, Bachok Kelantan. Seterusnya, informan pertama ini telah menyatakan bahawa kubur Tok Bachok juga terletak di kampung Tok Burung. Tok Bachok telah dilahirkan pada tahun 1860/1868 dan beliau mempunyai jangka hayat yang panjang iaitu selama 93 tahun. Selain itu, Tok Bachok telah belajar dengan ayah beliau iaitu Tok Lebai Mat dan belajar juga di kota baru. Beliau belajar selama umur 25 tahun kemudian ke mekah selama 15 tahun. Antara

ulama-ulama yang menjadi tuan guru kepada Tok Bachok ini semasa di Mekah adalah Sheikh Ahyat, Tok guru Haji Zain, Sheikh Maliki, dan Sheikh Mohammad bin Mohammad Zain Al Futoni. Tok guru yang paling masyhur pada ketika itu adalah Sheikh Maliki. Sheikh Maliki ini merupakan ayah/tok nenek kepada Sayyid Mohammad Alawi Al Maliki. Selain itu, Sheikh Mohammad bin Mohammad Zain Al Futoni ini pula merupakan tok guru kepada tok bachok, tok kenali, tok selehor, tok kemuning. Beliau merupakan tok guru yang dipegang secara bersungguh-sungguh oleh ulama-ulama Kelantan ini.

Setelah pulang dari tanah suci ini beliau telah berkahwin atas kehendak keluarganya sendiri dengan isteri pertamanya iaitu Cik Embong binti Awang Ngah, Menurut informan pertama ini, beliau telah menyatakan bahawa Tok Bachok ini mempunyai 3 orang Isteri. Isteri yang kedua Tok Bachok adalah Hajjah Cik Bidah binti Haji Uthman iaitu anak kepada Imam Bachok. Manakala, isteri yang ketiganya adalah Cik Membunga binti Ismail. Tok Bachok ini mempunyai 13 orang anak bersama isteri-isterinya. Terdapat sebanyak 7 orang anak bersama isteri pertamanya, 5 orang anak daripada isteri keduanya, dan hanya seorang anak daripada isteri ketiganya. Selain itu juga, Tok Bachok ini terkenal dengan panggilan tok bachok kerana beliau telah berkhidmat akan masyarakat di sekitar Bachok. Tok Bachok ini telah mendirikan pondok-pondok di bersebelahan dengan rumah DO Bachok. Menurut informan, beliau telah menyatakan bahawa Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Bachok ini dinamakan bersempena atas khidmat Tok Bachok.

Antara amalan-amalan yang sering diamalkan oleh tok bachok ini adalah dari dalailul khairat yang disusun oleh Sheikh Sulaiman al-Jazuli merupakan sebuah kitab selawat yang mendapat sambutan yang baik di seluruh pelusuk dunia. Selain itu juga,

tok bachok ini sering beristiqamah dalam mengamalkan 500 bacaan surah al-ikhlas pada waktu pagi dan juga 500 bacaan pada waktu malam.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ١

اللَّهُ الصَّمَدُ ٢

لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ٣

وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ٤

Menurut Bushra bin Talib (2018) di dalam karyanya “Di sebalik 114 nama-nama surah” beliau telah menulis tentang kelebihan surah ini. Di dalam karyanya telah menyatakan bahawa menurut Hadis Riwayat Bukhari, Abu Daud, An-Nasaie telah menyatakan:

أَنَّ رَجُلًا سَمِعَ رَجُلًا يَقْرَأُ: قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ يُرِيدُهَا، فَلَمَّا أَصْبَحَ جَاءَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ، فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ، وَكَانَ الرَّجُلُ يَتَقَالُّهَا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ: وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، إِنَّهَا لَتَعْدِلُ ثُلُثَ الْقُرْآنِ

“*Sesungguhnya seseorang mendengar orang lain membaca قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ dengan mengulang-ulangnya, maka tatkala pagi harinya, dia mendatangi Rasulullah SAW dan menceritakan hal itu kepadanya, dan seolah-olah orang itu menganggap remeh surah itu, maka bersabdalah Rasulullah SAW: “Demi Zat yang jiwaku berada ditangan-Nya, sesungguhnya surah itu sebanding dengan sepertiga al-Quran.*

Amalan yang seterusnya adalah tok bachok selalu beristiqamah dalam berpuasa. Menurut informan pertama ini, Tok Bachok mengamalkan suatu wirid yang dibaca selepas solat subuh sehingga matahari segalah (waktu tenggahhari). Antara wirid yang diamalkannya adalah:

- ❖ أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَبِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
- ❖ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تَكُونُ لَكَ رِضَاءً وَلِحَقِّهِ آدَاءً

Seterusnya, Tok Bachok ini mempunyai sikap yang tegas dan jujur. Menurut informan pertama ini, beliau telah menyatakan bahawa tok bachok ini seorang yang tidak suka akan merokok. Anak-anak muridnya yang merokok akan dikenakan tindakan yang setimpal darinya. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau ingin mengubah sikap anak-anak muridnya yang suka merokok. Jika salah seorang anak muridnya merokok, beliau akan memberikan hukuman tersebut kepada semua anak muridnya. Oleh hal yang demikian setiap anak-anak muridnya akan insaf dan tidak lagi merokok. Antara denda yang diberikan oleh tok bachok ini adalah beliau mengambil semua putung-putung rokok ini lalu diikat dan disuruhkan semua anak-anak muridnya untuk menarik putung-putung rokok tersebut untuk membuat pautan di laut.

Selain itu, menurut informan pertama ini telah menyatakan bahawa tok bachok ini mempunyai kharamah yang luar biasa pada dirinya. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat satu kejadian dimana anak muridnya telah ponteng kelas malam beliau lalu anak muridnya tersebut menemui tok bachok dalam keadaan yang 3 kali besar tubuh badan dari kebiasaannya. Tok bachok juga dapat menghadiri majlis berbuka puasa pada waktu yang sama walaupun tempat yang berbeza-beza. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tok bachok ini mempunyai karamah-karamah yang tidak ada pada diri orang lain.

Merujuk kepada soalan yang kedua iaitu dari manakah tuan mengetahui tentang sejarah latar belakang beliau?. Menurut informan yang pertama ini juga iaitu Ustaz Muhammad Aziz Bin Che Man telah menyatakan bahawa beliau mengetahui sejarah-sejarah latar belakang tok bachok ini adalah melalui Haji Muhammad Zain iaitu anak kepada tok bachok dari isteri keduanya Puan Hajjah Cik Bidah binti Imam Haji Uthman. Beliau telah bergurukan Haji Muhammad Zain ini dan beliau

menyatakan bahawa Haji Muhammad Zain ini juga mempunyai kharamah-kharamah lebih kurang seperti ayahnya juga. Haji Muhammad Zain ini telah mendirikan sebuah masjid yang terdapat di bachok, Kelantan.

Seterusnya, merujuk kepada soalan yang ketiga iaitu apakah sejarah Tok Bachok yang masyarakat setempat kagumi?. Berdasarkan hasil kajian temu bual Ustaz Muhammad Aziz ini telah menyatakan bahawa bukan sahaja masyarakat setempat yang kagum akan tok bachok, malah masyarakat-masyarakat yang di luar sana juga berasa amat kagum akan kehebatan yang ada pada diri tok bachok. Tok bachok ini mempunyai sikap istiqamah yang sangat kuat dalam menyebarkan ilmu keagamaan kepada masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana tok bachok mampu menyebarkan ilmu agama ini walaupun berada dalam keadaan banjir ataupun hujan. Beliau tetap menghadiri setiap majlis-majlis agama walaupun mempunyai cuaca yang teruk. Menurut informan pertama ini, beliau telah menyatakan bahawa walaupun tok bachok mempunyai tetamu di rumahnya semasa ingin memberikan kuliah, namun tok bachok akan menjemput tetamu tersebut untuk mengikuti kelas agamanya. Beliau juga mempunyai sikap yang menepati akan janjinya kepada masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau akan menepati janji-janjinya walaupun hari sudah larut malam.

Merujuk kepada soalan yang terakhir iaitu apakah sejarah yang sangat menarik yang terdapat pada diri tokoh ulama tok bachok ini?. Ustaz Muhammad Aziz ini telah menyatakan bahawa tok bachok ini merupakan seorang yang sangat jujur dan sangat tegas dalam amal makruf nahi mungkar. Apa yang disebutkan dalam al-Quran dan sunnah, maka itulah yang tok bachok laksanakan. Menurut informan pertama tersebut, beliau telah menyatakan bahawa apa yang dijanjikan oleh beliau itulah yang beliau tepati. Selain itu, tok bachok ini merupakan seorang yang pendiam dan

memberikan contoh yang terbaik buat masyarakat. Jika dapat dilihat, masyarakat dahulu mengamalkan permainan-permainan dan perbuatan yang haram dari segi agama islam. Sebagai contoh, bermain berjudi, melakukan maksiat, pertarungan ayam, dan sebagainya. Tok bachok ini mengikuti setiap perkara-perkara tersebut hanya untuk menarik masyarakat supaya insaf dan belajar ilmu agama. Beliau meletakkan syaratnya iaitu jika permainan tersebut dimenangi oleh beliau, beliau menyuruh agar semua masyarakat di situ untuk menunaikan solat hajat. Akhir kelamaan, masyarakat-masyarakat yang mengamalkan perbuatan haram ini telahpun insaf dan meninggalkan perkara tersebut lalu mempelajari ilmu agama dengan lebih mendalam melalui tok bachok ini.

Menurut informan yang kedua iaitu Ustaz Zakuan Bin Haji Hussin. Beliau merupakan cucu kepada Tok Bachok iaitu anak kepada Haji Hussin Bin Haji Uthman. Beliau telah menyatakan bahawa Tok Bachok merupakan seorang tokoh ulama yang sangat terkenal pada suatu ketika dahulu. Kini hanya tinggal sejarah-sejarah mulia yang beliau dan atas jasa khidmat beliau selama ini yang membuatkan masyarakat setempat lebih kuat dalam ilmu keagamaan. Berdasarkan dari soalan pertama iaitu sejarah latar belakang tokoh ulama Tok Bachok ini, informan kedua telah menyatakan bahawa Tok Bachok ini seorang yang sangat cecal, pintar, dan sangat tegas. Tok bachok ini mempunyai sikap-sikap yang murni sehinggakan ramai masyarakat berasa sangat kagum akan dirinya. Selain itu, tok bachok ini juga sangat pintar dalam menguruskan masa beliau dalam beribadah serta bermasyarakat. Beliau sangat mengutamakan ibadah-ibadahnya namun beliau tidak sama sekali melupakan hidup bermasyarakat. Menurut informan kedua ini, tok bachok segera menunaikan solatnya dan segera hadir ke kuliah agamanya daripada membuat perkara yang leka.

Berdasarkan soalan kedua, informan kedua ini memberitahu bahawa beliau mengetahui tentang sejarah latar belakang tokoh ulama tok bachok ini adalah dari cerita ibunya. Ibunya merupakan menantu kepada tok bachok ini dan isteri kepada Haji Hussin Bin Haji Uthman. Ayah beliau telah meninggal sejak beliau masih dibangku persekolahan. Selain cerita ibunya, beliau juga mengetahui sedikit sejarah mengenai tok bachok ini dari Haji Muhammad Zain atau lebih dikenali dengan tok ayah Zain.

Seterusnya, menurut informan kedua ini beliau telah menyatakan bahawa kharamah yang terdapat pada diri tok bachok ini sangat luar biasa. Antaranya adalah beliau berkebolehan untuk mengangkat kereta ketika banjir melanda di kawasan setempat lalu mengalihkannya dari suatu tempat ke suatu tempat. Selain itu, tok ayah zain ini juga mempunyai kharamah sama seperti tok bachok.

Seterusnya, menurut informan yang ketiga iaitu Ustaz Mahmud Zuhdi Bin Tahir. Beliau merupakan cucu kepada Tok Bachok. Beliau hanya sempat bersama tokoh ulama tok bachok ini sehingga beliau berusia 7 tahun. Seterusnya, beliau telah menyatakan bahawa beliau hanya tahu sedikit maklumat tentang sejarah Tok Bachok. Ustaz Mahmud Zuhdi ini tidak dapat menjawab kesemua soalan yang telah disediakan dan pengetahuannya lebih kurang dengan pengetahuan informan kedua iaitu Ustaz Zakuan. Menurut beliau, tok bachok ini sudah tidak dikenali oleh masyarakat ketika ini. Tok bachok sangat terkenal pada zaman dahulu sahaja.

Berdasarkan soalan kedua, informan ketiga ini memberitahu bahawa beliau mengetahui tentang sejarah latar belakang tokoh ulama tok bachok ini adalah dari cerita ibu dan ayahnya. Ayahnya merupakan salah seorang murid tok bachok dan menikahi anak perempuan tok bachok. Selain itu, beliau juga mengetahui sedikit sejarah mengenai tok bachok ini dari beberapa buah buah iaitu "Tokoh-Tokoh

Ulama' Semenanjung Melayu" dan "27 Tahun Menggenggam Bara". Menurut beliau, terdapat beberapa orang anak tok bachok ini yang melibatkan diri dalam bahagian politik.

Menurut informan yang keempat iaitu Puan Zainab Binti Abu Jusoh telah menyatakan bahawa Tok Bachok atau nama sebenar Uthman Bin Haji Muhammad merupakan seorang tokoh ulama yang sangat terkenal pada suatu ketika dahulu. Tok Bachok ini dilahirkan di daerah Bachok iaitu terletak di kampung tok burung. Puan Zainab ini menyatakan bahawa Tok Bachok dilahirkan pada sekitar tahun 1860/1868. Tok Bachok ini mempunyai jangka hayat yang panjang iaitu selama 93 tahun. Informan yang keempat ini telah menyatakan bahawa tok bachok ini merupakan seorang ulama yang menimba ilmu di mekah selama 15 tahun. Seterusnya, berdasarkan soalan yang kedua informan ini telah menyatakan bahawa beliau mengetahui tentang sejarah latar belakang tok bachok ini dari arwah ayahnya. Beliau hanya tahu sedikit sahaja mengenai sejarah tokoh ulama ini dan beliau hanya dapat menjawab soalan satu dan dua sahaja.

Seterusnya, menurut informan yang kelima iaitu Puan Hajjah Nik Azizah Binti Nik Saffwan telah menyatakan bahawa Tok Bachok atau nama sebenar Uthman Bin Haji Muhammad merupakan seorang tokoh ulama yang sangat terkenal pada suatu ketika dahulu. Informan ini telah menyatakan bahawa beliau tidak mengetahui terlalu banyak tentang sejarah tok bachok ini. Beliau hanya mengetahui bahawa tok bachok ini merupakan ulama yang telah menimba ilmunya di mekah lebih dari 10 tahun. Beliau juga telah menyatakan bahawa beliau mengetahui tentang sejarah ini hanya dari sumber internet sahaja.

4.4 Dapatan Kajian Objektif 2: Sumbangan Tokoh Ulama Tok Bachok Kepada Masyarakat Dalam Bidang Keagamaan.

Merujuk kepada soalan yang pertama iaitu apakah bentuk sumbangan yang telah diberikan oleh Tok Bachok kepada masyarakat?. Hasil daripada temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji bersama informan yang pertama iaitu Ustaz Muhammad Aziz Bin Che Man telah menyatakan bahawa Tok Bachok ini sudah banyak memperbetulkan cara kehidupan amalan masyarakat yang sudah terpesong. Antaranya, pembetulan amalan khurafat seperti puja pantai, Selain itu, tok bachok ini banyak menolong masyarakat-masyarakat yang ditimpa kesusahan dan kesakitan. Beliau sering memberikan air penawar dan memperbanyakkan solat hajat untuk masyarakatnya.

Seterusnya, berdasarkan soalan kedua iaitu bukti sumbangan ulama Tok Bachok dalam bidang keagamaan?, Menurut informan yang pertama ini telah menyatakan bahawa antara bukti sumbangan tok bachok ini adalah terdirinya madrasah-madrasah di sekitar bachok ini. Selain itu, terdapat juga masjid-masjid di sekitar bachok, SMKA Tok Bachok dan sebagainya. Bangunan-bangunan ini banyak dihasilkan adalah dari tok bachok serta anak-anak muridnya. Antara nama anak muridnya yang diketahui oleh informan yang pertama ini adalah Tuan Guru Haji Zakaria Abdul Latif, Tuan Guru Haji Wan Nur, dan Tuan Guru Haji Zakaria Ismail.

Merujuk kepada soalan yang ketiga iaitu apakah kesan kepada masyarakat melalui sumbangan ilmu agama yang telah disumbangkan oleh ulama tok bachok?. Menurut informan pertama ini, beliau telah menyatakan bahawa kesan yang ditinggalkan oleh tok bachok ini masih diamalkan sehingga kini. Hal ini dikatakan demikian kerana tok bachok ini telah memberikan sumbangan awal terhadap masyarakat bachok. Penyebaran ilmu agama islam ini dapat mengubah masyarakat

sekitar bachok daripada tidak kenal akan ilmu agama sehingga dapat menerapkan keagamaan dalam diri setiap masyarakat.

Berdasarkan dari soalan yang terakhir iaitu senaraikan sikap ulama tok bachok yang boleh dicontohi oleh masyarakat. Terdapat banyak contoh-contoh murni yang dapat masyarakat contohi. Antaranya adalah sikap kejujuran beliau, amanah, ketegasan beliau dalam beristiqamah dan keyakinan yang tinggi dalam diri. Banyak yang boleh dicontohi dari sikap beliau.


Selain itu, menurut informan yang kedua iaitu Ustaz Zakuan Bin Haji Hussin, beliau mengatakan bahawa beliau hanya tahu sedikit maklumat tentang sumbangan yang telah diberikan oleh tok bachok. Menurut beliau, tok bachok ini mempunyai sebuah madrasah untuk anak-anak muridnya. Madrasah tersebut terletak di persekitaran bachok iaitu di kampung tok burung. Seterusnya, menurut informan yang ketiga iaitu Ustaz Mahmud Zuhdi Bin Tahir, beliau telah menyatakan bahawa beliau juga hanya tahu sedikit maklumat tentang sumbangan yang telah diberikan oleh tok bachok. Penerangan yang diberikan oleh beliau adalah sama seperti penerangan daripada Ustaz Zakuan.

Seterusnya, menurut informan yang keempat iaitu Puan Zainab Bin Abu Jusoh telah menyatakan bahawa beliau tidak mengetahui jenis sumbangan yang telah disumbangkan oleh tok bachok kepada masyarakat. Namun demikian, informan ini menyatakan bahawa dari segi sumbangan keagamaan yang telah diberikan oleh tok bachok ia memberikan kesan yang positif kepada masyarakat sehingga kini. Hal ini dikatakan demikian kerana disebabkan oleh tok bachok inilah masyarakat dapat menerapkan keagamaan dalam diri. Selain itu, informan yang kelima iaitu Puan Hajjah Nik Azizah Bin Nik Saffwan ini tidak mengetahui tentang apa-apa jenis

sumbangan yang telah diberikan oleh tok bachok. Beliau tidak dapat menjawab soalan-soalan berdasarkan objektif ini.

4.5 Dapatan Kajian Objektif 3: Persepsi Masyarakat Terhadap Tokoh Ulama Tok Bachok Yang Terkemuka Di Daerah Bachok (Analisis Demografi Responden)


4.5.1 Jantina



Rajah 4.1: Peratus Responden Berdasarkan Jantina

Berdasarkan Rajah 4.1, terdapat seramai 380 orang responden (100%) yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat seramai 204 orang responden lelaki yang mewakili 53.7% dan seramai 175 orang responden perempuan yang mewakili 46.3% dalam kajian ini. Hal ini jelas menunjukkan bahawa majoriti responden lelaki yang lebih ramai menjawab borang soal selidik ini berbanding responden perempuan.

4.5.2 Umur




Rajah 4.2: Peratus Responden Berdasarkan Umur

Berdasarkan Rajah 4.2 menunjukkan perkadaran umur mengikut kelas umur tertentu. Seperti yang dapat dilihat, sebahagian besar responden dalam tinjauan ini berada dalam kelompok yang berusia 19 hingga 24 tahun dengan catatan peratusan sebanyak 45.3% manakala perkadaran yang sedikit adalah sebanyak 2.9% yang mewakili 11 orang sahaja reponden. Ia merupakan dari kelompok yang berusia 13 hingga 18 tahun. Namun, jika dapat dilihat kelompok yang berusia 25 hingga 35 tahun ini juga merupakan kelompok yang mempunyai banyak responden iaitu 34.7% yang mewakili seramai 132 orang responden.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


4.5.3 Bangsa



Rajah 4.3: Peratus Responden Berdasarkan Bangsa

Rajah 4.3 menunjukkan bahawa 98.4% adalah responden Melayu yang mewakili 374 orang. Seterusnya diikuti dengan 1.1% dari responden yang lain-lain bangsa manakala hanya 0.3% dari responden Cina dan India. Hal ini jelas menunjukkan bahawa peratusan yang tertinggi adalah peratusan dari kaum Melayu.


4.5.4 Status



Rajah 4.4: Peratus Responden Berdasarkan Status

Rajah 4.4 menunjukkan peratusan status responden. Jelas menunjukkan bahawa lebih ramai responden yang bujang berbanding yang sudah berkahwin. Hal ini dikatakan demikian kerana peratusan status bagi responden yang masih bujang mempunyai sebanyak 63.2% manakala yang sudah berkahwin adalah sebanyak 36.8%.


4.5.5 Tahap Pendidikan



Rajah 4.5: Peratus Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan

Rajah 4.5 menunjukkan peratusan tertinggi adalah tahap pendidikan ijazah iaitu 47.4% yang mewakili 180 orang responden. Seterusnya, diikuti oleh tahap pendidikan sekolah menengah iaitu 28.2%, sekolah rendah 0.8%, master sebanyak 1.8%, PHD sebanyak 1.1% dan sebanyak 20.8% tahap pendidikan lain-lain. Hal ini jelas menunjukkan bahawa lebih ramai responden yang mempunyai tahap pendidikan ijazah.

4.5.6 Pekerjaan



Rajah 4.6: Peratus Responden Berdasarkan Pekerjaan

Rajah 4.6 menunjukkan peratusan tertinggi adalah sebanyak 36.1% daripada belajar. Manakala, peratusan kedua tertinggi adalah sebanyak 19.7% iaitu dari pekerjaan kerajaan. Seterusnya, bekerja sendiri mempunyai peratusan yang agak tinggi iaitu sebanyak 17.6%, diikuti dengan pekerjaan swasta iaitu sebanyak 14.7% dan tidak bekerja mempunyai peratus sebanyak 11.8%. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang masih belajar.

4.5.7 Skala




Rajah 4.7: Peratus Responden Berdasarkan Skala

Rajah 4.7 menunjukkan peratusan responden yang mengenali tokoh ulama Tok Bachok (Uthman Bin Haji Muhammad). Jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang tidak mengenali beliau. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam kajian ini terdapat 51% yang mewakili seramai 194 orang responden yang tidak kenal beliau. Manakala, hanya 48% iaitu seramai 185 orang responden yang kenal beliau dan hanya 1% sahaja yang sangat kenal akan tokoh ulama Tok Bachok ini. Hal ini memberikan bukti bahawa beliau tidak dikenali ramai orang.

4.6 Analisis Dapatan Kajian Objektif 3: Persepsi Masyarakat Terhadap Tokoh Ulama Tok Bachok Yang Terkemuka Di Daerah Bachok.

4.6.1 Kajian 1 (Ketokohan): Tok Bachok merupakan salah seorang daripada ulama Melayu yang bertanggungjawab dalam mengembangkan syiar Islam di Nusantara.



Rajah 4.8: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan hasil dapatan taburan responden mengenai ketokohan Tok Bachok ini jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 242 orang responden bersamaan 63.7% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.5% yang menunjukkan 2 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju.

4.6.2 Kajian 1 (Ketokohan): Tok Bachok merupakan seorang tokoh yang mempunyai ilmuan tentang agama islam yang sangat tinggi.



Rajah 4.9: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.9 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 242 orang responden bersamaan 63.7% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju.


4.6.3 Kajian 1 (Ketokohan): Tok Bachok mempunyai sifat yang adil dan saksama dari segi dunia mahupun akhirat.



Rajah 4.10: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.10 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 240 orang responden bersamaan 63.2% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Kajian ini telah menunjukkan bahawa Tok Bachok mempunyai sifat yang adil dan saksama dari segi dunia mahupun akhirat.


4.6.4 Kajian 1 (Ketokohan): Tok Bachok mempunyai ciri kepimpinan yang berteraskan kepada sumber al-Quran dan hadis.



Rajah 4.11: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.11 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 242 orang responden bersamaan 63.7% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Hal ini telah membuktikan bahawa Tok Bachok ini mempunyai ciri kepimpinan yang berteraskan al-Quran dan hadis.


4.6.5 Kajian 1 (Ketokohan): Beliau merupakan seorang yang aktif dalam bidang keagamaan.



Rajah 4.12: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.12 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 241 orang responden bersamaan 63.4% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Hal ini telah membuktikan bahawa Tok Bachok merupakan seorang yang aktif dalam bidang keagamaan.

4.6.6 Kajian 1 (Ilmu Keagamaan): Tok Bachok pernah melanjutkan pengajian ke Semenanjung Arab seperti di Mekah, atau Universiti Al-Azhar.



Rajah 4.13: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.13 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 247 orang responden bersamaan 65% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju.

MALAYSIA

KELANTAN

4.6.7 Kajian 1 (Ilmu Keagamaan): Tok Bachok telah menuntut ilmu selama lebih kurang 15 tahun di bumi Mekah.



Rajah 4.14: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.14 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 247 orang responden bersamaan 65% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Hal ini telah menunjukkan bahawa ramai responden yang sederhana setuju akan Tok Bachok yang telah menuntut ilmu selama lebih kurang 15 tahun di bumi Mekah.


4.6.8 Kajian 1 (Ilmu Keagamaan): Tok Bachok sangat menekankan anak muridnya tentang kitab-kitab, al-Quran, hafalan sarf, nahu, fiqh, dan sebagainya.



Rajah 4.15: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.15 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 242 orang responden bersamaan 63.7% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Hal ini telah menunjukkan bahawa ramai responden yang sederhana setuju akan Tok Bachok yang sangat menekankan anak muridnya tentang kitab-kitab, al-Quran, hafalan sarf, nahu, fiqh, dan sebagainya.

4.6.9 Kajian 1 (Ilmu Keagamaan): Tok Bachok telah mengekalkan suatu wirid yang dibaca selepas solat subuh sehingga matahari segalah (waktu tengahhari).



Rajah 4.16: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.16 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 251 orang responden bersamaan 66.1% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Berdasarkan kajian ini ia jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang sederhana setuju bahawa Tok Bachok telah mengekalkan suatu wirid yang dibaca selepas solat subuh sehingga matahari segalah (waktu tengahhari).

4.6.10 Kajian 1 (Ilmu Keagamaan): Tok Bachok menghabiskan masa mudanya dengan mempelajari ilmu keagamaan.




Rajah 4.17: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.17 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 243 orang responden bersamaan 63.9% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Berdasarkan kajian ini ia jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang sederhana setuju bahawa Tok Bachok menghabiskan masa mudanya dengan mempelajari ilmu keagamaan.

4.6.11 Kajian 1 (Sumbangan Tok Bachok Kepada Masyarakat): Tok

Bachok menubuhkan sekolah pondok untuk mengajar agama.



Rajah 4.18: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.18 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 246 orang responden bersamaan 64.7% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Hal ini telah menunjukkan bahawa ramai responden yang sederhana setuju akan Tok Bachok yang telah menubuhkan sekolah pondok untuk mengajar agama.


4.6.12 Kajian 1 (Sumbangan Tok Bachok Kepada Masyarakat): Tok Bachok diberi gelaran Tok Bachok kerana kemasyhuran beliau dalam mengajar ilmu agama yang berpusat di Bachok.



Rajah 4.19: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.19 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 244 orang responden bersamaan 64.2% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju.

4.6.13 Kajian 1 (Sumbangan Tok Bachok Kepada Masyarakat): Tok Bachok menggalakkan masyarakat mempelajari ilmu agama.



Rajah 4.20: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.20 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 235 orang responden bersamaan 61.8% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Berdasarkan kajian ini ia jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang sederhana setuju bahawa Tok Bachok menggalakkan masyarakat mempelajari ilmu agama.

4.6.14 Kajian 1 (Sumbangan Tok Bachok Kepada Masyarakat): Tok Bachok menaikkan nama Daerah Bachok sebagai tempat utama dalam mendalami ilmu agama islam.



Rajah 4.21: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.21 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 244 orang responden bersamaan 64.2% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Berdasarkan kajian ini ia jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang sederhana setuju bahawa Tok Bachok telah menaikkan nama Daerah Bachok sebagai tempat utama dalam mendalami ilmu agama islam.

4.6.15 Kajian 1 (Sumbangan Tok Bachok Kepada Masyarakat): Tok Bachok membentuk masyarakat supaya saling berukhwah sesama umat islam.



Rajah 4.22: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.22 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 234 orang responden bersamaan 61.6% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Berdasarkan kajian ini ia jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang sederhana setuju bahawa Tok Bachok telah membentuk masyarakat supaya saling berukhwah sesama umat islam

4.6.16 Kajian 1 (Keistimewaan Yang Ada Pada Tokoh Ulama Tok Bachok): Tok Bachok sangat bijak dalam menguruskan hal agama dan kehidupan harian.



Rajah 4.23: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.23 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 237 orang responden bersamaan 62.4% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Berdasarkan kajian ini ia jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang sederhana setuju bahawa Tok Bachok adalah orang yang sangat bijak dalam menguruskan hal agama dan kehidupan harian

4.6.17 Kajian 1 (Keistimewaan Yang Ada Pada Tokoh Ulama Tok Bachok): Tok Bachok dapat menjelaskan pelbagai masalah yang muncul dengan dalil dan berasaskan pengetahuan yang dimiliki.



Rajah 4.24: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.24 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 239 orang responden bersamaan 62.9% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Berdasarkan kajian ini ia jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang sederhana setuju bahawa Tok Bachok dapat menjelaskan pelbagai masalah yang muncul dengan dalil dan berasaskan pengetahuan yang dimiliki.

4.6.18 Kajian 1 (Keistimewaan Yang Ada Pada Tokoh Ulama Tok Bachok): Tok Bachok sangat terkenal bijak dalam bidang ilmu bacaan al-Quran, nahu dan tasawuf.



Rajah 4.25: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.25 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 241 orang responden bersamaan 63.4% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Berdasarkan kajian ini ia jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang sederhana setuju bahawa Tok Bachok sangat terkenal bijak dalam bidang ilmu bacaan al-Quran, nahu dan tasawuf.

4.6.19 Kajian 1 (Keistimewaan Yang Ada Pada Tokoh Ulama Tok Bachok): Tok Bachok merupakan seorang yang sangat warak dan dihormati masyarakat.



Rajah 4.26: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.26 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 237 orang responden bersamaan 62.4% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Berdasarkan kajian ini ia jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang sederhana setuju bahawa Tok Bachok merupakan seorang yang sangat warak dan dihormati masyarakat.

4.6.20 Kajian 1 (Keistimewaan Yang Ada Pada Tokoh Ulama Tok Bachok): Tok Bachok bijak dalam membahagikan masa untuk muridnya belajar ilmu agama dan masa untuk beriadah.



Rajah 4.27: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan Rajah 4.27 jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang memilih skala 3 juga iaitu sederhana setuju. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 242 orang responden bersamaan 63.7% yang memilih skala 3 berbanding skala 1 iaitu hanya 0.3% yang menunjukkan 1 orang responden sahaja yang menyatakan bahawa ia sangat tidak setuju. Berdasarkan kajian ini ia jelas menunjukkan bahawa ramai responden yang sederhana setuju bahawa Tok Bachok merupakan seorang yang sangat bijak dalam membahagikan masa untuk muridnya belajar ilmu agama dan masa untuk beriadah.

4.7 Penutup

Hasil kajian yang telah pengkaji perolehi daripada temu bual yang telah dilaksanakan serta aspek yang telah dikemukakan dalam boring soal selidik memainkan peranan yang amat penting dalam melengkapinya setiap persoalan dan juga objektif yang terdapat pada awal bab dalam kajian penyelidikan ini. Melalui data-data yang telah dikumpul ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa majoriti responden yang telah terlibat dalam kajian penyelidikan ini telah memberikan tindak balas yang baik dan juga positif dalam setiap persoalan dan juga pernyataan yang telah dikemukakan oleh pengkaji.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini adalah merupakan bab yang terakhir dalam projek penyelidikan. Bab ini juga akan menyentuh secara menyeluruh mengenai kajian tentang Ketokohan Ulama Tok Bachok (Uthman Bin Haji Muhammad) Berdasarkan Persepsi Masyarakat Di Daerah Bachok. Kajian penyelidikan ini telah banyak memberi pengkaji peluang bagi mempelajari pelbagai kaedah dan juga cara bagi memperoleh maklumat yang tepat dan sahih. Kajian penyelidikan ini juga telah berjaya merungkai permasalahan kajian, menjawab persoalan kajian dan juga mencapai keseluruhan objektif.

5.2 Perbincangan

Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang merangkumi 3 analisis objektif. Bahagian ini khusus dalam membincangkan dapatan analisis untuk menjawab setiap objektif yang dikemukakan oleh pengkaji dan melihat apakah ia menjawab objektif yang diajukan atau tidak.

5.2.1 Perbincangan Objektif 1: Mengenalpasti sejarah latar belakang tokoh ulama Tok Bachok yang dikagumi oleh masyarakat.

Daripada hasil dapatan temu bual yang telah dilaksanakan kepada informan berkenaan objektif pertama iaitu mengenalpasti sejarah latar belakang tokoh ulama Tok Bachok yang dikagumi oleh masyarakat telah mendapati bahawa Tok Bachok ini adalah merupakan seorang ulama yang sangat hebat dan dikagumi oleh masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau mempunyai sikap yang jujur dan semangat yang tegas dalam beristiqamah melalui amal makruf nahi mungkar. Sikap-sikap mulia yang ada pada diri tok bachok ini sangat dikagumi oleh masyarakat dan dijadikan teladan buat mereka. Menurut Imam Hanafi, Sofiandi Sofiandi (2018), menegaskan bahawa ulama yang menduduki kedudukan yang penting dalam masyarakat islam. Ulama tidak hanya sebagai figur ilmunan yang menguasai dan memahami ajaran-ajaran agama, akan tetapi ia sebagai penggerak, motivator, dan dinamisator masyarakat ke arah pengembangan dan pembangunan umat. Tingkah laku para ulama ini kebiasaannya akan menjadi teladan dan panutan buat masyarakat lain. Selain itu, beliau juga melaksanakan apa yang telah diperintah dalam al-Quran dan sunnah.

5.2.2 Perbincangan Objektif 2: Mengenalpasti sumbangan yang telah disumbangkan oleh tokoh ulama Tok Bachok kepada masyarakat dalam bidang keagamaan.

Daripada hasil dapatan temu bual yang telah dilaksanakan kepada informan berkenaan objektif kedua iaitu mengenalpasti sumbangan yang telah disumbangkan oleh tokoh ulama Tok Bachok kepada masyarakat dalam bidang keagamaan. Antara sumbangan yang telah diberikan adalah beliau banyak memperbetulkan cara kehidupan amalan masyarakat yang sudah terpesong. Misalnya, masyarakat zaman dahulu mengamalkan kepercayaan animisme seperti aktiviti pemujaan yang berbaur syirik dan khurafat. Beliau juga telah membawa masyarakat yang terpesong tersebut kembali ke arah jalan yang benar. Selain itu, dengan penyebaran ilmu agama yang telah diberikan ia memberikan kesan seperti terdirinya madrasah-madrasah di sekitar Bachok. Menurut Lokman Ismail (2021) telah menegaskan bahawa Tok Bachok ini sangat bertanggungjawab untuk mengembangkan syiar Islam di Nusantara. Penyebaran ajaran agama islam ini telah mengubah masyarakat sekitar bachok daripada jahil akan ilmu agama kepada menjadi umat Islam yang sempurna dan taat kepada agama.

5.2.3 Perbincangan Objektif 3: Mengkaji persepsi masyarakat terhadap tokoh ulama Tok Bachok yang terkenal di daerah Bachok.

Daripada hasil dapatan soal selidik yang telah diedarkan kepada responden berkenaan objektif ketiga iaitu mengkaji persepsi masyarakat terhadap tokoh ulama Tok Bachok yang terkenal di daerah Bachok, maklum balas positif telah diterima oleh pengkaji. Pengkaji mendapati bahawa berdasarkan skala, ramai responden yang tidak mengenali tokoh ulama tok bachok. Melalui temubual daripada informan juga mendapati bahawa terdapat beberapa informan yang tidak mempunyai pengetahuan yang meluas mengenai tok bachok ini. Mereka hanya sekadar mengenali tok bachok ini sebagai tokoh ulama namun mereka tidak mengetahui sejarah yang lebih terperinci mengenai beliau. Oleh kerana masyarakat yang tidak mengetahui tentang tokoh ulama tok bachok ini, majoriti responden telah memilih skor sederhana setuju kerana mereka tidak berapa mengenali tokoh ulama tok bachok tersebut. Berdasarkan kesemua soalan yang telah dikemukakan majoriti responden memilih skor sederhana setuju. Secara umumnya, hal ini menunjukkan bahawa kurangnya ilmu pengetahuan mengenai tokoh ulama tok bachok dalam kalangan masyarakat terutamanya yang tinggal di daerah Bachok, Kelantan.

5.3 Cadangan Kajian

Kajian yang telah dilaksanakan ini telah memberikan gambaran bahawa tokoh ulama merupakan salah satu warisan yang perlu kita pelihara. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan kajian yang dilakukan terdapat ramai masyarakat penduduk Bachok kini tidak mengenali tokoh ulama Tok Bachok, hanya segelintir

masyarakat sahaja yang mengenali beliau. Oleh hal yang demikian, pengkaji memberikan beberapa cadangan untuk memelihara tokoh ulama. Cadangan pertama adalah dengan menerapkan pengetahuan mengenai tokoh-tokoh ulama sejak dari bangku sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan adanya ilmu pengetahuan masyarakat akan lebih mengenali tokoh-tokoh ulama dengan lebih mendalam.

Selain itu, cadangan yang kedua adalah mengadakan pameran yang berkenaan dengan tokoh-tokoh ulama yang terdapat di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan adanya pameran-pameran ini masyarakat akan lebih mengenali tokoh-tokoh ulama yang terdapat di Malaysia. Disamping itu juga, pengkaji bercadang semasa menganjurkan pameran tokoh-tokoh ulama tersebut, penganjur boleh mengadakan satu pertandingan yang dapat disertai oleh masyarakat dalam program menguji minda masyarakat. Selain itu juga, semasa pameran dijalankan penganjur boleh menarik perhatian masyarakat dengan mengadakan satu pertunjukkan khas yang mewatakkan tokoh-tokoh ulama tersebut.

5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji telah menjawab kesemua persoalan, mencapai objektif kajian dan merungkai segala permasalahan yang terdapat dalam kajian ini. Dapat disimpulkan bahawa sejarah-sejarah tokoh ulama Tok Bachok ini adalah merupakan sesuatu perkara warisan yang sangat penting untuk pengetahuan setiap individu terutamanya umat yang beragama Islam. Terdapat pelbagai usaha-usaha beliau dalam menyebarkan ilmu agama Islam dan juga terdapat banyak sikap murni yang ada pada Tok Bachok ini yang dapat kita contohi.

5.5 Penutup

Bab ini berkisarkan tentang hasil penemuan dalam kajian yang dijalankan dan kesesuaiannya dalam memberi jawapan kepada setiap objektif kajian yang telah dinyatakan. Oleh itu, pengkaji berharap kajian ini dapat mendidik semua pihak tentang keistimewaan tokoh-tokoh ulama bagi memelihara sejarah tokoh ulama tersebut. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat menyedarkan semua orang tentang kepentingan mengetahui tentang tokoh ulama agar mereka dapat mengetahui akan ilmu agama dengan lebih mendalam dan mengenali tokoh-tokoh ulama mereka sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana tokoh-tokoh ulama ini mempunyai ilmu agama yang tinggi dalam diri mereka dan dapat menjadikan pedoman kepada masyarakat khususnya masyarakat di sekitar daerah Bachok, Kelantan.

RUJUKAN

- Afifi Fauzi Abbas. (2006). Ulama dan Perkembangan Inteletual Keagamaan. ResearchGate; unknown.
https://www.researchgate.net/publication/342819488_Ulama_dan_Perkembangan_Inteletual_Keagamaan
- Aisyah, O., Rahim, A., Mohd, Nor, R., Calon, Sarjana, I., Falsafah, D., Sejarah, J., Islam, T., Islam, A., Malaya, U., Kuala, & Kanan, P. (n.d.). Diakses pada 1 April 2022 di *Tokoh Ulama Termasyhur Dalam Perkembangan Islam Di Selangor Sebelum Merdeka (1900-1957): Satu Tinjauan Biografi (Figure In The Development Of Islamic Scholars Before Independence In Selangor (1900-1957): An Overview Of Biography)*.
- abdullah, H. (2022, April). 12 Tokoh Ulama Kelantan Yang Masyhur Dan Ternama. Diakses pada 28 Mac 2022 di Blogspot.com.
<http://hambaliabdullah.blogspot.com/2015/02/12-tokoh-ulama-kelantan-yang-masyhur.html>
- Apa Itu Sorotan Kajian. (2021, December 12). Wacana Zeckry. Diakses pada 31 Mac 2022 di <http://zeckry.net/2021/12/12/apa-itu-sorotan-kajian/>
- Aisyah Ab Rahim& Mohd Roslan Mohd Nor. (2019). Sumbangan ulamak berketurunan Jawa di Selangor dalam perkembangan Islam sebelum Merdeka. Diakses pada 30 Mac 2022 di <https://ejournal.um.edu.my/index.php/RIS/article/download/27416/12405/61682>
- bryman & bell 2003 tentang sorotan kajian. Diakses pada 29 Mac 2022 di Google Search. (2013). Google.com. <https://www.google.com/search>
- Ciri-Ciri Utama Yang Perlu Ada Pada Seorang Pemimpin - Zunaidah Hadi. (2019, October 20). Zunaidah Hadi. <https://zunaidahhadi.com/ciri-ciri-utama-yang-perlu-ada-pada-seorang-pemimpin/>
- Dalam, I., & Perbankan. (n.d.). Diakses pada 29 Mac 2022 di Analisis Persepsi Tokoh Masyarakat Dan Tokoh Agama Mengenai Isu Riba Terhadap Minat Masyarakat Menabung Di Perbankan Syariah Kotabumi (Studi Pada Bank Mandiri syariah dan BPRS kotabumi) Diajukan untuk melengkapi Tugas-tugas dan Memahami Syarat-syarat Guna Mendapatkan Gelar Sarjana S1. Retrieved March 29, 2022,
- Fitri Oktaviani S. (2015). Persepsi Masyarakat Terhadap Peran Dan Kepentingan Tokoh Dalam Penyebaran Pengetahuan Tanaman Obat. Ipb.ac.id. <https://doi.org/http://repository.ipb.ac.id/handle/123456789/80303>
- <https://facebook.com/iluminasi1>. (2019, September 12).). Kelantan - Negeri Pertama Tanah Melayu Menerima Islam. Iluminasi. Diakses pada 28 Mac 2022 di <https://iluminasi.com/bm/kelantan-negeri-pertama-tanah-melayu-menerima-islam.html>

- Hanafi, I., & Sofiandi, S. (2019). Desekulerisasi Ulama; Makna Ulama Menurut Nurcholish Madjid. *Madania: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman*, 8(2), 181. <https://doi.org/10.24014/jiik.v8i2.5713>
- Ismail, L. (2022, March 29). Kelantan Terawal Terima Islam. *Blogspot.com*. <http://bicaramentari.blogspot.com/2017/12/gfr.html>
- Ismail Che Daud (2012). *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Kota Bharu, Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Latifah Arifin. (2018, August 31). Jangan lupakan perjuangan ulama, agamawan capai kemerdekaan. *Berita Harian; Berita Harian*. Diakses pada 30 Mac 2022 di <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/08/468328/jangan-lupakan-perjuangan-ulama-agamawan-capai-kemerdekaan>
- Mohd, & Zahari Mahad Musa. (2019, October 22). Ulama Selangor: Peranan dan Sumbangan. *ResearchGate; unknown*. Diakses pada 31 Mac 2022 di https://www.researchgate.net/publication/336702967_Ulama_Selangor_Peranan_dan_Sumbangan
- Mohd, & Cecep Miftahul Hasani. (2021). Sumbangan Syarif Hidayatullah dalam Penyebaran Pendidikan Agama Islam di Jawa Barat. *At-Ta'dib*, 12(1), 173–193. Diakses pada 31Mac 2022 di <https://ejournal.unida.gontor.ac.id/index.php/tadib/article/view/863/819>
- Mira. (2020, December 30). Dinar Emas : Bukti Kedatangan Islam ke Kelantan. *Manis.fm*. Diakses pada 28 Mac 2022 di <https://www.manis.fm/apa-yang-kita-boleh-pelajari-dari-perang-badar/>
- Nashih Nashrullah. (2019, November 19). 5 Sifat Ulama yang Bisa Jadi Penyejuk di Tengah Umat. *Republika Online; Republika Online*. Diakses pada 31 Mac 2022 di <https://www.republika.co.id/berita/q17pyf320/5-sifat-ulama-yang-bisa-jadi-penyejuk-di-tengah-umat>
- Pengertian “Ulama” Dan Ciri-Ciri Ulama’. (2009, May 4). Diakses pada 28 Mac 2022 di Idris Ahmad; Idris Ahmad. <https://idrisahmad.wordpress.com/2009/05/04/pengertian-%E2%80%98ulama%E2%80%99-dan-ciri-ciri-ulama%E2%80%99/>
- Sorotan Kajian Lepas/ Literature Review (LR) – TahuTuai. (2020, April). *Tahutuai.com*. <https://tahutuai.com/sorotan-kajian-lepas-literature-review-lr/>
- Shukri Ahmad. (n.d.). Aplikasi konsep ‘ulama dan intelektual: Satu penilaian kritis. Diakses pada 1 April 2022 di <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/3836/1726/9677>
- Tiki Mambang. (2022, April). Tok Selehor: Ulama Sufi Berjiwa Melayu. *Blogspot.com*. Diakses pada 1 April 2022 di <http://tikimambang.blogspot.com/2016/06/tok-selehor-ulama-sufi-berjiwa-melayu.html>

wmkfirdaus. (2015). Sorotan literatur Dr Kamarul. Slideshare.net. Diakses pada 29 Mac 2022 di <https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/sorotan-literatur-dr-kamarul>

Wazir, R. (2020, April 11). Sorotan Perkembangan Tasawuf Di Alam Melayu, Tokoh-Tokoh Dan Karyanya. ResearchGate; unknown. Diakses pada 1 April 2022 di https://www.researchgate.net/publication/340575050_Sorotan_Perkembangan_Tasawuf_Di_Alam_Melayu_Tokoh-Tokoh_Dan_Karyanya/link/5e918d774585150839d2406d/download





Lampiran

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SOALAN TEMU BUAL

Bahagian A: Sejarah latar belakang tokoh ulama Tok Bachok yang dikagumi oleh masyarakat setempat.

1. Bagaimanakah sejarah latar belakang tokoh ulama Tok Bachok ini?
2. Dari manakah tuan/puan mengetahui tentang sejarah latar belakang beliau?
3. Apakah sejarah beliau yang masyarakat setempat kagumi ?
4. Apakah sejarah yang sangat menarik yang terdapat pada diri tokoh ulama Tok Bachok ini?

Bahagian B: Sumbangan yang telah disumbangkan oleh tokoh ulama Tok Bachok kepada masyarakat dalam bidang keagamaan.

1. Apakah bentuk sumbangan yang telah diberikan oleh Tok Bachok kepada masyarakat?
2. Apakah bukti sumbangan ulama Tok Bachok dalam bidang keagamaan?
3. Apakah kesan kepada masyarakat melalui sumbangan ilmu agama yang telah disumbangkan oleh ulama Tok Bachok.
4. Senaraikan sikap ulama Tok Bachok yang boleh dicontohi oleh masyarakat.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.1: Bersama Ustaz Muhammad Aziz Bin Che Man

Sumber: Pengkaji, 2022



Rajah 4.2: Bersama Ustaz Zakuan Bin Haji Hussin.

Sumber: Pengkaji, 2022



Rajah 4.3: Bersama Ustaz Mahmud Zuhti Bin Tahir

Sumber: Pengkaji, 2022



Rajah 4.4: Bersama Puan Zainab Bin Abu Jusoh

Sumber: Pengkaji, 2022

U
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.5: Bersama Puan Hajjah Nik Azizah Bin Nik Saffwan

Sumber: Pengkaji, 2022

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



BORANG SOAL SELIDIK

Bahagian A: Maklumat Demografi

Arahan: Sila baca setiap kenyataan dengan teliti dan tandakan (/) pada ruangan jawapan.

Maklumat diri responden:

1. Jantina:

- a. Lelaki
- b. Perempuan

2. Umur:

- a. 13-18 tahun
- b. 19-24 tahun
- c. 25-35 tahun
- d. 36-49 tahun
- e. 50 dan ke atas

3. Bangsa:

- a. Melayu
- b. Cina
- c. India
- d. Lain-lain

4. Status:

- a. Bujang
- b. Berkahwin

5. Tahap Pendidikan:

- a. Sekolah Rendah
- b. Sekolah Menengah
- c. Ijazah
- d. Master
- e. PHD
- f. Lain-lain:

Nyatakan:

6. Pekerjaan:

- a. Bekerja sendiri
- b. Tidak Bekerja
- c. Kerajaan
- d. Swasta
- e. Belajar

7. Arahan: Sila tandakan (/) pada jawapan anda berdasarkan skala a,b,atau c.

Adakah anda mengenali tokoh ulama Tok Bachok (Uthman Bin Haji Muhammad)?

Skor Nilai	Skor
Sangat kenal	a
Kenal	b
Tidak kenal	c

Bahagian B:

Arahan: Sila tandakan (/) pada jawapan anda berdasarkan skala 1,2,3,4, atau 5.

Skor	Skor Nilai
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Sederhana setuju
4	Setuju
5	Sangat setuju

Bahagian B (i): Ketokohan:

1. Tok Bachok merupakan salah seorang daripada ulama Melayu yang bertanggungjawab dalam mengembangkan syiar Islam di Nusantara.
2. Tok Bachok merupakan seorang tokoh yang mempunyai ilmu tentang agama islam yang sangat tinggi.
3. Tok Bachok mempunyai sifat yang adil dan saksama dari segi dunia mahupun akhirat.
4. Tok Bachok mempunyai ciri kepimpinan yang berteraskan kepada sumber al-Quran dan hadis.
5. Beliau merupakan seorang yang aktif dalam bidang keagamaan.

Bahagian B (ii): Ilmu Keagamaan:

1. Tok Bachok pernah melanjutkan pengajian ke Semenanjung Arab seperti di Mekah, atau Universiti Al-Azhar.
2. Tok Bachok telah menuntut ilmu selama lebih kurang 15 tahun di bumi Mekah.
3. Tok Bachok sangat menekankan anak muridnya tentang kitab-kitab, al-Quran, hafalan sarf, nahu, fiqh dan sebagainya.
4. Beliau telah mengekalkan suatu wirid yang dibaca selepas solat subuh sehingga matahari segalah (waktu tengahhari).
5. Beliau menghabiskan masa mudanya dengan mempelajari ilmu keagamaan.

Bahagian B (iii): Sumbangan Tok Bachok Kepada Masyarakat:

1. Tok Bachok menubuhkan sekolah pondok untuk mengajar agama.
2. Beliau diberi gelaran Tok Bachok kerana kemasyhuran beliau dalam mengajar ilmu agama yang berpusat di Bachok.
3. Beliau menggalakkan masyarakat mempelajari ilmu agama.
4. Beliau menaikkan nama Daerah Bachok sebagai tempat utama dalam mendalami ilmu agama islam.
5. Beliau membentuk masyarakat supaya saling berukhwah sesama umat islam.

Bahagian B (iv): Keistimewaan Yang Ada Pada Tokoh Ulama Tok Bachok:

1. Tok Bachok sangat bijak dalam menguruskan hal agama dan kehidupan harian.
2. Tok Bachok dapat menjelaskan pelbagai masalah yang muncul dengan dalil dan berasaskan pengetahuan yang dimiliki.
3. Tok Bachok sangat terkenal bijak dalam bidang ilmu bacaan al-Quran, nahu dan tasawuf.
4. Beliau merupakan seorang yang sangat warak dan dihormati masyarakat.
5. Beliau bijak dalam membahagikan masa untuk muridnya belajar ilmu agama dan masa untuk beriadah.